



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

2020 =

20

25

PELAN
PERANCANGAN
STRATEGIK

BAHAGIAN
HAL
EHWAL
PELAJAR

ISI KANDUNGAN

2

NAIB CANSELOR UiTM

4TIMBALAN NAIB CANSELOR
HEP**6**

PENGENALAN

8

FUNGSI UTAMA HEP

10AHLI MESYUARAT EKSEKUTIF
HEP**11**TIMBALAN REKTOR HEP
KAMPUS CAWANGAN**11**DEKAN DAN TIMBALAN DEKAN
HEP FAKULTI**14**

PENGETUA KOLEJ KEDIAMAN

16CARTA ORGANISASI
HEP**18**

VISI, MISI, OBJEKTIF

19

DASAR KUALITI

20JAWATANKUASA
PERANCANGAN STRATEGIK**22**MODEL AGENDA
PEMERKASAAN HEP**23**GERAK KERJA PENYEDIAAN
PERANCANGAN STRATEGIK
HEP2020 =
20
25PELAN
PERANCANGAN
STRATEGIKBAHAGIAN
HAL
EHWAL
PELAJAR**24**GARIS MASA PROJEK
PERANCANGAN STRATEGIK
HEP**25**

PETUNJUK, TS1, TS2, TS3

27SENARAI PROJEK
BERDASARKAN TERAS
STRATEGIK HEP**31**TS 1: PERKHIDMATAN DAN
KEMUDAHAN PELAJAR
BERKUALITI**67**TS 2: PEMBANGUNAN
PELAJAR BERTERASKAN
BAKAT DAN NILAI**93**TS 3: KEPIMPINAN PELAJAR
BERTERAS KOMPETENSI
GLOBAL

PRA KATA NAIB CANSOLOR UiTM



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) Universiti Teknologi MARA berjaya menghasilkan Dokumen Pelan Perancangan Strategik Bahagian Hal Ehwal Pelajar 2020-2025. Tahniah dan syabas diucapkan kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar yang diketuai oleh YBhg. Prof. Dr. Mohd Sazili Shahibi, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UiTM atas usaha yang telah diberikan dalam penerbitan ini.

UiTM sentiasa mengutamakan penyediaan pendidikan yang berkualiti kepada Bumiputera. Bertepatan dengan objektif utama Kementerian Pendidikan Malaysia dalam mengangkat martabat pendidikan tinggi di Malaysia, UiTM komited memperkasa pelbagai jaringan kolaborasi bersama institusi pendidikan lain, pemain industri dan organisasi antarabangsa yang terkemuka untuk menyerlahkan lagi ketampakan Universiti.



BHEP merupakan antara elemen penting dalam rancangan menjayakan Pelan Perancangan Strategik UiTM 2025. Oleh hal yang demikian, peranan yang efektif perlu dijalankan oleh BHEP agar Teras Strategik dan Inisiatif Strategik yang dirancang dapat mentransformasikan masa depan negara. Dengan terbitnya dokumen Perancangan Strategik ini, pastinya Universiti Teknologi MARA dapat memacu transformasi anak muda UiTM dalam mencapai Global Renowned University (GRU) 2020-2025.

Hubungan kerjasama yang berterusan perlu dicapai oleh BHEP dalam memastikan BHEP sentiasa kekal dalam ingatan mahasiswa di samping penjenamaan BHEP yang terkenal di seluruh negara. Semoga BHEP sentiasa menjadi yang terbaik buat UiTM dan mahasiswa.

Sekian, terima kasih.

PROFESOR DATUK TS. DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR
Naib Canselor UiTM

PRA KATA TIMBALAN NAIB CANSOLOR HEP



“DOKUMEN PERANCANGAN STRATEGIK INI MERUPAKAN HASIL USAHA DAN ILTIZAM SELURUH KELUARGA BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR (BHEP), UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA DALAM MEMACU TRANSFORMASI MAHASISWA UiTM (TAMU) UNTUK MENCAPI HASRAT GLOBAL RENOWNED UNIVERSITY (GRU) 2020-2025”.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dokumen Perancangan Strategik ini merupakan hasil usaha dan iltizam seluruh keluarga Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP), Universiti Teknologi MARA dalam memacu transformasi mahasiswa UiTM untuk mencapai hasrat Global Renowned University (GRU) 2020-2025.

BHEP memainkan peranan yang amat signifikan dalam memastikan tiga (3) Teras Strategik dan lapan (8) Inisiatif Strategik dilaksanakan dengan terancang dan tepat. BHEP berharap mampu memacu transformasi dan menyerlah potensi serta membentuk masa hadapan seperti yang diimpikan.



BHEP beriltizam untuk sentiasa berusaha dalam peningkatan berterusan melalui penjenamaan semula fungsi dan peranannya, penambahbaikan tadbir urus, kecekapan di tempat kerja, digitalisasi, kesihatan dan kesejahteraan mental, penglibatan dalam pembangunan komuniti, menyokong kelestarian global, pemerksaan bakat dan penganjuran program berimpak tinggi.

Pelan ini menggabungkan senario persekitaran semasa dan pembaharuan pendidikan tinggi seiring dengan hasrat Menteri Pengajian Tinggi Malaysia khususnya dan pengurusan tertinggi UiTM amnya.

Diharapkan aspirasi BHEP ini dapat direalisasikan dan mampu memberi impak yang besar kepada UiTM terutamanya kepada pembangunan bakat pelajar dan seterusnya mampu melahirkan graduan yang holistik, seimbang dan berciri keusahawanan selari dengan hasrat yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).

Akhir kata, kejayaan perancangan strategik ini perlu digembleng bersama oleh seluruh warganya. Semoga apa yang dirancang ini, merupakan satu Transformasi kepada anak muda di UiTM (TAMU) yang memberikan impak yang tinggi kepada Survival Bangsa Melayu dan Bumiputera.

Sekian, terima kasih.

PROFESOR DR. HAJI MOHD SAZILI SHAHIBI
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

PENGENALAN

1

Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Teknologi MARA merupakan nadi pengurusan pelajar bagi seluruh sistem universiti untuk menyempurnakan bidang tugas, tanggungjawab dan fungsinya selaras dengan peruntukan Akta 173 dan Akta 174 sejak tahun 1976 dan pindaan-pindaannya di bawah kawalan Naib Canselor UiTM.

2

Bahagian Hal Ehwal Pelajar adalah antara bahagian yang penting dalam membantu Universiti Teknologi MARA melahirkan graduan yang mempunyai Kemahiran Insaniah (KI) yang tinggi dan berpersonaliti unggul bagi memenuhi keperluan global.

3

Peranan ini dimainkan menerusi dua fungsi terasnya (*core business*) iaitu Pembangunan dan Kepimpinan Pelajar, serta menyediakan Kemudahan dan Perkhidmatan Pelajar



Kompleks Budiswa, UiTM Shah Alam

FUNGSI UTAMA HEP



Pembangunan dan Kepimpinan Pelajar

Objektif Strategik

Melahirkan Profesional Berinovatif, Berdaya Keusahawanan Serta Berpersonaliti Unggul Untuk Memenuhi Keperluan Global

Perkhidmatan dan Kemudahan Pelajar

Objektif Strategik

Menyediakan Perkhidmatan Yang Berkualiti Serta Kemudahan Yang Kondusif

Pembangunan dan Kepimpinan Pelajar



Perkhidmatan dan Kemudahan Pelajar

- 1 Bantuan kewangan dan biasiswa pelajar
- 2 Kebajikan pelajar
- 3 Perkhidmatan dan kemudahan sukan & rekreasi
- 4 Perkhidmatan dan kemudahan kesihatan
- 5 Kemudahan penempatan dan kolej kediaman
- 6 Pembangunan **kerjaya** dan penempatan pekerjaan
- 7 Khidmat **bimbingan, psikologi dan kaunseling**
- 8 Pengurusan dan **kebijakan pelajar NR**
- 9 Perkhidmatan **kaunter setempat**
- 10 Kemudahan **peralatan teknikal & ICT**

AHLI MESYUARAT EKSEKUTIF HEP



1 Prof. Dr. Hj. Mohd Sazili Shahibi
Timbalan Naib Canselor (HEP)

2 Dr. Shahsuzan Zakaria
Pengarah Pembangunan Pelajar

**3 Encik Wan Ahmad Rahiman
Wan Abd Rahim**
Timbalan Pendaftar

4 Prof. Dr. Hjh. Zuraeda Ibrahim
Pengarah Institut Kepimpinan Pelajar

5 Prof. Madya Dr. Mohd Azman Yahaya
Pengarah Pusat Kokurikulum

**6 Prof. Madya ChM. Ts. Dr. Hj.
Mohammad Noor Jalil**
Pengarah Akademi Kepolisan
UiTM-PDRM

7 Ts. Dr. Samsudin Wahab
Pengarah Institut Pemikiran &
Kepimpinan Melayu (IMPAK)

8 Dr. Zaiton Nasir
Pengarah Pusat Kesihatan

9 Encik Jalaludin Hussain
Pengarah Pusat Sukan

10 Puan Wan Noraini Wan Yusoff
Pengarah Pusat Kerjaya dan Kaunseling

11 Ts. Mohd Hafiz Askiak
Koordinator Pusat Kebudayaan

12 Encik Mohd Zulkamar Johari c.A (M)
Timbalan Bendahari Kanan

13 Encik Abd. Rahim Abd. Majid
Ketua Unit Kemudahan Kolej

14 Dr. Norhasnida Nordin
Pengerusi Majlis Pengetua Kolej
Kediaman UiTM Shah Alam

TIMBALAN REKTOR HEP KAMPUS CAWANGAN



- | | |
|--|---|
| <p>1 Prof. Madya Sr. Dr. Mohd Azian Zaidi
Timbalan Rektor (HEP)
UiTM Cawangan Perak</p> | <p>8 Dr. Wan Irham Ishak
Timbalan Rektor (HEP)
UiTM Cawangan Kedah</p> |
| <p>2 Encik Mohd Zuhilmi Mohd Yunus
Timbalan Rektor (HEP)
UiTM Cawangan Negeri Sembilan</p> | <p>9 Ts. Dr. Ermeey Abdul Kader
Timbalan Rektor (HEP)
UiTM Cawangan Terengganu</p> |
| <p>3 Prof. Madya Dr. Badrul Isa
Timbalan Rektor (HEP)
UiTM Cawangan Selangor</p> | <p>10 Dr. Ahmad Nizan Mat Noor
Timbalan Rektor (HEP)
UiTM Cawangan Perlis</p> |
| <p>4 Prof. Madya Ts. Dr. Basharudin Abdul Hadi
Timbalan Rektor (HEP)
UiTM Cawangan Pulau Pinang</p> | <p>11 Dr. Mohd Kamal Azman Jusoh
Timbalan Rektor (HEP)
UiTM Cawangan Pahang</p> |
| <p>5 Prof Madya Dr. Mohammad Isa Mohamadin
Timbalan Rektor (HEP)
UiTM Cawangan Sarawak</p> | <p>12 Dr. Basarudin Shah Bin Basri
Timbalan Rektor (HEP)
UiTM Cawangan Johor</p> |
| <p>6 YBhg. Dato' Ts. Dr. Mohd Nor Hajar Hasrol Jono
Timbalan Rektor (HEP)
UiTM Cawangan Melaka</p> | <p>13 Ts. Dr. Khalid Abdul Wahid
Timbalan Rektor (HEP)
UiTM Cawangan Kelantan</p> |
| <p>7 YBhg. Datin Dr. Rafidah @ Malissa Salleh
Timbalan Rektor (HEP)
UiTM Cawangan Sabah</p> | |

DEKAN DAN TIMBALAN DEKAN HAL EHWAL PELAJAR



1 YBhg. Prof. Dr. Amer Shakir Zainol
Dekan (Hal Ehwal Pelajar)
Kolej Pengajian Seni Kreatif

2 YBhg. Prof.Ts. Dr. Azlina Idris
Dekan (Hal Ehwal Pelajar)
Kolej Pengajian Kejuruteraan

3 YBhg. Prof. Dr. Ahmad Nazrun Shuid
Timbalan Dekan (HEP)
Fakulti Perubatan

4 Prof. Madya Dr. Mas Suryalis Ahmad
Timbalan Dekan (HEP)
Fakulti Pergigian

5 YM Prof. Madya CHM Dr. Raja Razuan Raja Deris
Timbalan Dekan (HEP)
Fakulti Sains Gunaan

6 Sr. Dr. Mohamad Sufian Hasim
Timbalan Dekan (HEP)
Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur

7 Dr. Mohamad Ezrien Mohamad Kamal
Timbalan Dekan (HEP)
Fakulti Perakaunan

8 Dr. Siti Hafsyah Idris
Timbalan Dekan (HEP)
Fakulti Undang-Undang

9 Dr. Ezza Rafedziawati Kamal Rafedzi
Timbalan Dekan (HEP)
Fakulti Pengurusan Maklumat

10 Dr. Azdel Bin Abdul Aziz
Timbalan Dekan (HEP)
Fakulti Pengurusan Hotel &
Pelancongan

11 Dr. Aida Azlina Binti Ali
Timbalan Dekan (HEP)
Fakulti Farmasi

12 Dr. Mazlan Bin Che Soh
Timbalan Dekan (HEP)
Fakulti Sains Pentadbiran &
Pengajian Polisi

13 Dr. Muhamad Zaidi Zakaria
Timbalan Dekan (HEP)
Akademi Pengajian Bahasa

14 Dr. Zarizi Bin Ab Rahman
Timbalan Dekan (HEP)
Fakulti Pendidikan

DEKAN DAN TIMBALAN DEKAN HAL EHWAL PELAJAR



- 15 Dr. Mohamad Rahizam Bin Abdul Rahim**
Timbalan Dekan (HEP)
Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi
- 16 Dr. Hajar Bin Opir**
Timbalan Dekan (HEP)
Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)
- 17 Dr. Ismail Rakibe**
Timbalan Dekan (HEP)
Fakulti Perladangan dan Agroteknologi
- 18 Encik Romizan Jathin**
Timbalan Dekan (HEP)
Fakulti Sains Kesihatan
- 19 Encik Mohd Nazrul Mohd Amin**
Timbalan Dekan (HEP)
Fakulti Sains Komputer dan Matematik
- 20 Encik Anuar Ali**
Timbalan Dekan (HEP)
Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media
- 21 Encik Syed Ashrene Syed Omar**
Timbalan Dekan (HEP)
Fakulti Pengurusan Perniagaan
UiTM Kampus Puncak Alam

PENGETUA KOLEJ KEDIAMAN



1 **Dr. Norhasnida Nordin**
Kolej Kediaman Mawar

2 **Prof. Madya Dr. Nor
Aizam Adnan**
Kolej Kediaman Melati

3 **Encik Sumardianshah Silah**
Kolej Kediaman Perindu

4 **Encik Hisyam Che Mat**
Unit Pengurusan Non Residen

5 **Ts. Dr. Noradzhar Baba**
Kolej Kediaman Anggerik
& Delima

6 **Prof. Madya Sr. Dr. Ahmad Nazrin
Aris Anuar**
Kolej Kediaman Seroja & Meranti


7 **Tuan Haji Izuan Izzaidi Azmi**
Kolej Kediaman Teratai




UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

CARTA ORGANISASI HEP

CARTA ORGANISASI BAHAGIAN HAL EHWAL UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA





VISI

Menjadikan UiTM sebuah universiti terkemuka dunia dalam bidang Sains, Teknologi, Kemanusiaan dan Keusahawanan.



OBJEKTIF HEP

1. Merangka dan melaksanakan program pembangunan pelajar yang bersepadu dan berterusan serta mempunyai nilai tambah (*value added*) bagi mewujudkan lulusan yang bersifat holistik



MISI

Menjuarai pembangunan Bumiputera profesional yang tangkas menerusi kurikulum terkehadapan dan penyelidikan berimpak.

2. Membantu melahirkan graduan Bumiputera unggul berteraskan kepada keseimbangan dan kesepaduan dari segi intelek, jasmani, rohani, emosi dan sosial

Sumber : Website UiTM & Manual Kualiti HEP

DASAR KUALITI

1.
Bahagian Hal Ehwal Pelajar beriltizam untuk menyediakan dan melaksanakan pembangunan dan kepimpinan pelajar serta perkhidmatan dan kemudahan pelajar bagi memenuhi keperluan pelanggan.

2.
Bahagian ini juga beriltizam untuk mencapai matlamat menjadi sebuah jabatan unggul dengan melaksanakan sistem pengurusan kualiti yang cekap, berkesan dan sentiasa melaksanakan penambahbaikan secara berterusan



JAWATANKUASA PERANCANGAN STRATEGIK HEP

- Pengerusi** : **Prof. Dr. Hj. Mohd Sazili Shahibi**
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
- Setiausaha** : **En. Wan Ahmad Rahiman Wan Abd. Rahim**
Timbalan Pendaftar
- Ahli Jawatankuasa** : **Dr. Shahsuzan Zakaria**
Pengarah Pembangunan Pelajar
- Prof. Dr. Hjh. Zuraeda Ibrahim**
Pengarah Institut Kepimpinan Pelajar
- Prof. Madya Dr. Mohd Azman Yahaya**
Pengarah Pusat Kokurikulum
- Dr. Zaiton Nasir**
Pengarah Pusat Kesihatan
- Prof. Madya ChM. Ts. Dr. Hj. Mohammad Noor Jalil**
Pengarah Akademi Kepolisian UiTM-PDRM
- Ts. Dr. Samsudin Wahab**
Pengarah IMPAK
- En. Jalaludin Hussain**
Pengarah Pusat Sukan
- Puan Wan Noraini Wan Yusof**
Pengarah Pusat Kerjaya & Kaunseling
- Ts. Mohd Hafiz Askiak**
Koordinator Pusat Kebudayaan
- En. Abd Rahim Abd. Majid**
Ketua Unit Kemudahan Kolej
- Dr. Norhasnida Nordin**
Pengerusi Majlis Pengetua
Kolej Kediaman UiTM Shah Alam
- Puan Noor Afzan Zakaria**
Timbalan Pendaftar, Pusat Kegiatan Pelajar
- En. Zamri Abd. Kahar**
Timbalan Pengarah, Pusat Sukan
- Puan Marshita Md Isa**
Penolong Pendaftar Kanan, Pejabat Pentadbiran HEP

samb.


JAWATANKUASA PERANCANGAN STRATEGIK HEP

- Ahli** : **Puan Hjh. Ikhwana Misnan**
Jawatankuasa Penolong Pendaftar Kanan, Unit Pengurusan Non Residen
- En. Mohamad Syuhairi Zakaria**
Pegawai Kokurikulum Kanan, Pusat Kokurikulum
- En. Muhd Nazri Michael Nasarula**
Penolong Pendaftar Kanan, Pusat Kokurikulum
- En. Mohamad Sufian Abdul Manan**
Penolong Pendaftar Kanan, IMPAK
- En. Wan Mohd Rafi Wan Rani**
Penolong Pendaftar, Pejabat Pengarah Pembangunan Pelajar
- Cik Najihah Azmi**
Penolong Pendaftar, Institut Kepimpinan Pelajar
- Puan Norsafarina Md Yusof**
Pegawai Eksekutif Kanan, Unit Pengurusan Kebajikan Pelajar
- Puan Nor Fadzilah Ahmad**
Pegawai Eksekutif, Pejabat Pentadbiran HEP
- En. Noor Azizul Hakim Noor Hazam**
Pembantu Operasi Kanan, Pejabat Pentadbiran HEP


MODEL AGENDA PEMERKASAAN HEP



GERAK KERJA PENYEDIAAN PERANCANGAN STRATEGIK HEP



GARIS MASA PROJEK PERANCANGAN STRATEGIK HEP



*Nota : TS - Teras Strategik

iS - Inisiatif

PETUNJUK :

The icon consists of the letters 'TS' in a light blue, outlined font above a large, stylized number '1' that is also in a light blue, outlined font.

TS1- Perkhidmatan dan kemudahan pelajar berkualiti

- Virtual HEP
- Kolej Pintar
- Koridor Keusahawanan
- Keperihatinan & Kesejahteraan

The icon consists of the letters 'TS' in a light blue, outlined font above a large, stylized number '2' that is also in a light blue, outlined font.

TS2- Pembangunan pelajar berteraskan bakat dan nilai

- Kecemerlangan Bakat
- Kelestarian Jati Diri

The icon consists of the letters 'TS' in a light blue, outlined font above a large, stylized number '3' that is also in a light blue, outlined font.

TS3- Kepimpinan pelajar berteras kompetensi global

- Ciri Model Graduan GRU
- Kompetensi Global

Stadium UiTM Shah Alam



SENARAI PROJEK BERDASARKAN TERAS STRATEGIK HEP

BIL	TERAS STRATEGIK	INISIATIF	NAMA PROJEK	PENGURUS PROJEK
1	TERAS STRATEGIK 1 Perkhidmatan Dan Kemudahan Pelajar Berkualiti	INISIATIF 1 Virtual HEP	1. Digitalisasi HEP	Ketua Pentadbir HEP
			2. BOOM HEP- BHEP <i>Open Online Module</i>	Ketua Pentadbir HEP
			3. Pendigitalan Kursus Kokurikulum	Pengarah Pusat Kokurikulum
		INISIATIF 2 Kolej Pintar	4. Sistem Pengurusan Kolej Pintar	Ketua Unit Kemudahan Kolej
		INISIATIF 3 Koridor Keusahawanan	5. Koridor Keusahawanan Kolej	Pengerusi Majlis Pengetua
		INISIATIF 4 Keprihatinan & Kesejahteraan	6. e- Psikometrik	Pengarah Pusat Kerjaya & Kaunseling
			7. <i>Let's Talk</i> MINDASIHAT@UiTM	Pengarah Pusat Kesihatan dan Pengarah Kerjaya dan Kaunseling
			8. Project <i>e-safe</i>	Pengarah Pusat Kesihatan

BIL	TERAS STRATEGIK	INISIATIF	NAMA PROJEK	PENGURUS PROJEK
2.	TERAS STRATEGIK 2 Pembangunan Pelajar Berteraskan Bakat & Nilai	INISIATIF 5 Kecemerlangan Bakat	1. Projek TAMU – Seni dan Budaya	Koordinator Kebudayaan
			2. HEPi Media	Pengarah Pembangunan Pelajar
			3. Penubuhan <i>Institute of Sports & Exercise Technology (INSERT)</i>	Pengarah Pusat Sukan
		INISIATIF 6 Kelestarian Jati Diri	4. Pusat Keselamatan dan Pencegahan Jenayah	Pengarah Akademi Kepolisian UiTM-PDRM
			5. e-PADU	Pengarah IMPAK
			6. IMPAK <i>Digital Page</i>	Pengarah IMPAK

BIL	TERAS STRATEGIK	INISIATIF	NAMA PROJEK	PENGURUS PROJEK
3.	TERAS STRATEGIK 3 Kepimpinan Pelajar Berteraskan Kompetensi Global	INISIATIF 7 Ciri Model Graduan GRU	1. Model Graduan GRU	Pengarah Institut Kepimpinan Pelajar dan Pengarah Pusat Kokurikulum
			2. Pusat Kecemerlangan Kepimpinan Mahasiswa IKPHEP	Pengarah Institut Kepimpinan Pelajar
		INISIATIF 8 Kompetensi Global	3. IKP <i>e-Leadership</i>	Pengarah Institut Kepimpinan Pelajar
			4. Kesukarelawanan Berimpak Tinggi – Kesukarelawan Antarabangsa (<i>Global Volunteering</i>)	Pengarah Pusat Kokurikulum
			5. Kesukarelawanan Berimpak Tinggi – <i>Microcredentials</i> Kesukarelawan (<i>Microcredentials In Volunteerism</i>)	Pengarah Pusat Kokurikulum

Universiti Teknologi MARA
Cawangan Sabah Kampus Kota Kinabalu

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN SABAH KAMPUS KOTA KINABALU



TERAS STRATEGIK 1

PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN PELAJAR BERKUALITI

Universiti Teknologi MARA
Cawangan Sarawak Kampus Mukah



Blok Pentadbiran Setia Raja I
Kampus Mukah
Universiti Teknologi MARA Sarawak

TERAS STRATEGIK 1

PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN PELAJAR BERKUALITI

INISIATIF 1 – VIRTUAL HEP

- **TAJUK PROJEK 1 :**
PROJEK DIGITALISASI HEP

Pengenalan : Projek Digitalisasi HEP merupakan salah satu inisiatif Pejabat Pentadbiran HEP untuk mendigitalkan proses kerja di Bahagian HEP. Projek ini akan melibatkan proses menaiktaraf sistem e-HEP sedia ada serta menambahbaik sistem pelaporan dan repositori HEP. Melalui inisiatif ini Pejabat Pentadbiran HEP akan menyediakan Sistem Dashboard My HEP, Sistem Smart HEP dan Sistem Profiling Pelajar. Sistem Dashboard My HEP akan membantu pengurusan HEP untuk mendapatkan laporan pantas berkaitan data yang terdapat di sistem e-HEP dan gerbang My Student

Manakala Sistem Smart HEP akan membantu pihak pengurusan HEP menyimpan segala rekod dan maklumat berkaitan pelaporan PI HEP, laporan bulanan dan penglibatan pelajar dalam aktiviti HEP secara digital. Projek ini akan membantu pihak HEP menguruskan dan menyediakan pelaporan bulanan kepada pihak universiti dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan lebih sistematik dan pantas

Sistem Profiling Pelajar pula, akan membantu pelajar UiTM untuk merekodkan segala aktiviti extra kokurikulum seperti penglibatan pelajar dalam persatuan, badan uniform, sukan, kesukarelawan dan aktiviti anjuran universiti sepanjang tempoh pengajian di UiTM. Di akhir pengajian pelajar UiTM boleh menjana Transkrip Extra Kokurikulum ini untuk digunakan bersama Transkrip Akademik UiTM memohon pekerjaan dan merupakan nilai tambah kepada pelajar UiTM.

Objektif : Memastikan penyampaian perkhidmatan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) UiTM kepada pelanggan terutamanya para mahasiswa dapat disampaikan dengan pantas selari dengan hasrat UiTM menyediakan urus tadbir tangkas (*agile*).

Pengurus : Ketua Pentadbir HEP

KPI

JANGKA PENDEK (6 BULAN – 1 TAHUN) 2021-2022

Sistem Dashboard My HEP UiTM

- a. Mesyuarat Penyelarasan Pembangunan Sistem Dashboard HEP UiTM
- b. Penubuhan Jawatankuasa Teknikal
- c. Pembangunan Sistem Dashboard My HEP UiTM Fasa 1

Pusat Tanggungjawab : Pejabat Pentadbiran HEP & Pejabat Pembangunan Infrastruktur & Infostruktur

JANGKA SEDERHANA (2 TAHUN) 2022 – 2023

Sistem Smart HEP UiTM & Sistem Profiling Pelajar

- a. Mesyuarat Penyelarasan Pembangunan Sistem Smart HEP UiTM & Sistem Profiling Pelajar
- b. Pelantikan Ketua Projek Smart HEP UiTM & Sistem Profiling Pelajar
- c. Kelulusan Peruntukan Kewangan
- d. Kelulusan Jawatankuasa Sistem dan Aplikasi Universiti
- e. Sesi Libat Urus Pemegang Taruh HEP bagi pembangunan Sistem Profiling Pelajar
- f. Pembangunan Sistem Smart HEP Fasa 1 & Sistem Profiling Pelajar
- g. Pembangunan Sistem Dashboard My HEP Fasa 2

Pusat Tanggungjawab : Pejabat Pentadbiran HEP / Pejabat Pembangunan Infrastruktur & Infostruktur / Fakulti Sains Komputer & Matematik

JANGKA PANJANG (5 TAHUN)

- a. Pembangunan Integrasi Sistem Dashboard My HEP dan Sistem Smart HEP

Pusat Tanggungjawab : Pejabat Pentadbiran HEP / Pejabat Pembangunan Infrastruktur & Infostruktur / Fakulti Sains Komputer & Matematik

AKTIVITI UTAMA

JANGKA PENDEK (6 BULAN – 1 TAHUN) 2021-2022

- a. Mengadakan sesi *brainstorming* bersama pasukan pentadbir HEP dan pasukan pegawai Infostruktur PPII bagi mendapatkan input dan halatuju Sistem Dashboard My HEP
- b. Pelantikan ahli jawatankuasa teknikal penyediaan Sistem Dashboard My HEP UiTM
- c. Mengadakan Bengkel Penyediaan Sistem Dashboard My HEP UiTM melibatkan pasukan teknikal PPII dan pegawai HEP
- d. Pembangunan Sistem Dashboard My HEP Fasa I (Melibatkan Integrasi Sistem e-HEP)
- e. Sesi Uji lari sistem
- f. Sistem latihan penggunaan sistem kepada staf HEP seluruh negara

JANGKA SEDERHANA (2 TAHUN) 2022 – 2023

- a. Mengadakan perbincangan bersama pensyarah Fakulti Sains Komputer & Matematik bagi pembangunan sistem menggunakan kepakaran dalaman UiTM
- b. Sesi libat urus pentadbir HEP bersama pihak perunding pensyarah Fakulti Sains Komputer & Matematik
- c. Permohonan peruntukan kewangan pembangunan sistem
- d. Permohonan kelulusan pembangunan sistem oleh Jawatankuasa Sistem & Aplikasi Universiti
- e. Proses Pembangunan Sistem
- f. Sesi Uji lari
- g. Sistem Smart HEP & Sistem Profiling Pelajar 100% siap
- h. Sistem latihan penggunaan sistem kepada staf HEP seluruh negara

JANGKA PANJANG (5 TAHUN)

- a. Pembangunan integrasi Sistem Dashboard HEP, Smart HEP dan Sistem Profiling Pelajar
- b. Uji lari sistem
- c. Penyelenggaraan sistem

HASIL

JANGKA PENDEK (6 BULAN – 1 TAHUN) 2021-2022

- a. Sistem Dashboard My HEP diwujudkan

JANGKA SEDERHANA (2 TAHUN) 2022 – 2023

- a. Penjimatan masa penyediaan laporan kepada pihak pengurusan UiTM
- b. Pelajar UiTM dapat merekodkan segala aktiviti ekstra kokurikulum sepanjang tempoh pengajian di UiTM

JANGKA PANJANG (5 TAHUN)

- a. HEP mencapai KPI Virtual HEP

LONJAKAN

JANGKA PENDEK (6 BULAN – 1 TAHUN) 2021-2022

a. Menyatukan seluruh sistem online HEP

JANGKA SEDERHANA (2 TAHUN) 2022 – 2023

a. *Happiness Index* pelanggan HEP meningkat

b. Pelajar UiTM mempunyai 2 transkrip. 1 transkrip akademik dan 1 transkrip extra kokurikulum

JANGKA PANJANG (5 TAHUN)

a. Matlamat Digitalisasi HEP dicapai sepenuhnya

b. Nilai tambah kepada pelajar UiTM

TERAS STRATEGIK 1

PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN PELAJAR BERKUALITI

INISIATIF 1 – VIRTUAL HEP

- **TAJUK PROJEK 2 :**
PROJEK BOOM HEP – BHEP OPEN ONLINE MODULE

Pengenalan : Projek BOOM HEP (BHEP open online module) merupakan salah satu inisiatif Virtual HEP dalam perancangan strategik HEP 2025. BOOM HEP merupakan platform pembelajaran dan latihan kursus kepimpinan secara dalam talian kepada mahasiswa UiTM yang berminat dan projek ini tiada had penyertaan pada satu masa.

BOOM HEP merupakan kursus dalam talian secara percuma yang melibatkan jumlah penyertaan yang ramai dan tiada had masa. Mahasiswa yang mengikuti BOOM HEP perlu menonton video ceramah secara dalam talian dan perlu menyiapkan tugas yang diberikan dan diberikan penilaian oleh pegawai HEP yang terlibat.

BOOM HEP terbahagi kepada dua (2) kategori iaitu Kursus Kepimpinan dan Kursus Kemahiran Insaniah Mahasiswa UiTM.

Objektif : Memberikan kemudahan kepada mahasiswa UiTM untuk mengikuti kursus kepimpinan dan sijil professional secara dalam talian (*online*)

Pengurus : Ketua Pentadbir HEP

KPI

JANGKA PENDEK (6 BULAN – 1 TAHUN) 2021-2022

- a. Sesi Libat Urus Bersama Pasukan Pembangunan Sistem
- b. Model Platform BOOM HEP
- c. Pembangunan Sistem BOOM HEP Fasa 1 (Modul IKP)

Pusat Tanggungjawab : Pejabat Pentadbiran HEP / Institut Kepimpinan Pelajar (IKP) / Pejabat Pembangunan Infrastruktur & Infostruktur / Timbalan Rektor & Timbalan Dekan HEP

JANGKA SEDERHANA (2 TAHUN) 2022 – 2023

- a. Pembangunan Sistem BOOM HEP Fasa 2 (Modul PADU)

Pusat Tanggungjawab : Pejabat Pentadbiran HEP / Institut Pemikiran & Kepimpinan Melayu (IMPAK) / Pejabat Pembangunan Infrastruktur & Infostruktur

JANGKA PANJANG (5 TAHUN)

- a. Pengoperasian sistem BOOM HEP 100%.

Pusat Tanggungjawab : Pejabat Pentadbiran HEP / Pejabat Pembangunan Infrastruktur & Infostruktur

AKTIVITI UTAMA

JANGKA PENDEK (6 BULAN – 1 TAHUN) 2021-2022

- a. Lawatan Penanda Aras Sistem Massive Open Online Courses (MOOCs) UiTM
- b. Sesi libat urus bersama pihak HEP dan Pejabat Pembangunan Infrastruktur & Infostruktur (PPII)
- c. Pelantikan Ketua & Ahli Jawatankuasa Projek BOOM HEP
- d. Bengkel Pembangunan Sistem BOOM HEP
- e. Pembangunan Sistem Fasa 1 melibatkan modul IKP

JANGKA SEDERHANA (2 TAHUN) 2022 – 2023

- a. Mempromosikan penggunaan sistem BOOM HEP Fasa 1
- b. Uji lari sistem & kenalpasti kelemahan
- c. Pembangunan Sistem BOOM HEP Fasa 2 melibatkan modul PADU
- d. Pembangunan modul lain di bawah Pusat / Unit Bahagian HEP

JANGKA PANJANG (5 TAHUN)

- a. Penilaian semula sistem untuk penambahbaikan
- b. Penggunaan 100% Kursus terpilih HEP secara dalam talian (online)

HASIL

JANGKA PENDEK (6 BULAN – 1 TAHUN) 2021-2022

- a. Penyediaan platform bagi penawaran kursus HEP secara dalam talian (online)
- b. Pembangunan sistem fasa 1 melibatkan modul IKP disiapkan

JANGKA SEDERHANA (2 TAHUN) 2022 – 2023

- a. Pembangunan sistem fasa 2 melibatkan modul PADU disiapkan
- b. Penawaran Kursus HEP secara dalam talian (online) ditawarkan

JANGKA PANJANG (5 TAHUN)

- a. HEP mencapai KPI Virtual HEP

LONJAKAN

JANGKA PENDEK (6 BULAN – 1 TAHUN) 2021-2022

- a. HEP mula beralih penawaran kursus kepimpinan dan kemahiran insaniah secara dalam talian (online)
- b. Menjimatkan kos pelaksanaan kursus di UiTM

JANGKA SEDERHANA (2 TAHUN) 2022 – 2023

- a. Penawaran kursus anjuran HEP kepada mahasiswa lebih luas melibatkan kampus cawangan UiTM
- b. Happiness Index pelajar meningkat

JANGKA PANJANG (5 TAHUN)

- a. Matlamat Digitalisasi HEP dicapai sepenuhnya

TERAS STRATEGIK 1

PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN PELAJAR BERKUALITI

INISIATIF 1 – VIRTUAL HEP

- **TAJUK PROJEK 3 :**
PENDIGITALAN KURSUS KOKURIKULUM

Pengenalan : Projek ini bertujuan untuk membangunkan bahan pengajaran dan pembelajaran kursus kokurikulum di UiTM dalam bentuk digital. Pembangunan bahan pengajaran dan pembelajaran ini adalah bertujuan untuk membantu tenaga pengajar kokurikulum dalam menyampaikan ilmu kokurikulum kepada pelajar agar lebih interaktif seiring dengan kemajuan teknologi terkini. Pendigitalan bahan pengajaran dan pembelajaran ini merupakan hasrat dan matlamat Kementerian Pengajian Tinggi dalam mengikut arus teknologi masa kini. Projek ini diletakkan di bawah Pusat Kokurikulum, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, UiTM kerana subjek yang ditawarkan merangkumi seluruh kampus di UiTM. Bahan rujukan bagi aktiviti pengajaran dan pembelajaran perlu dibangunkan agar lebih interaktif, seragam dan selaras di seluruh kampus. Dengan pembangunan bahan pengajaran secara digital ini, UiTM dapat meringankan beban pelajar membawa bahan ke tempat latihan yang rata-ratanya di kawasan lapangan. Tambahan pula, dengan pembangunan teknologi yang pesat ini, mahasiswa lebih memilih untuk menggunakan bahan rujukan secara digital berbanding bahan rujukan secara fizikal. Oleh yang demikian, projek ini membolehkan pelajar untuk mengakses bahan tersebut pada bila-bila masa. Selain penghasilan bahan-bahan pengajaran secara digital, hasil penjualan e-book tersebut secara tidak langsung dapat menghasilkan penajaan pendapatan kepada Pusat Kokurikulum. Keuntungan yang diperolehi dapat digunakan untuk program-program yang akan dijalankan dan

dapat membantu memenuhi keperluan serta mengurangkan kos dari pihak universiti. Pelaksanaan platform e-book ini akan dilaksanakan secara berperingkat. Pada peringkat awal, permohonan peruntukan dan perolehan kelulusan jawatankuasa dilaksanakan. Peringkat seterusnya ialah mengenalpasti kursus-kursus kokurikulum yang berkaitan bagi pembangunan ebook dan melaksanakan bengkel proses pembangunan bahan rujukan tersebut. Akhirnya, pengoperasian sepenuhnya platform ebook ialah dengan menjalankan penjualan bahan-bahan rujukan yang telah lengkap kepada semua pelajar dan pihak yang berkeperluan. Semua proses ini dijangka mengambil masa antara 6 bulan hingga 3 tahun bagi melengkapkan proses perolehan dan pengoperasian platform e-book. Projek ini juga menyokong agenda Virtual HEP yang dibawa oleh BHEP UiTM selain dapat menyumbang ke arah pemantapan agenda Education 5.0 di dalam GRU 2025

Objektif : 1. Pendigitalan Bahan- bahan Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Kokurikulum
2. Pemilikan Platform E-Book Kokurikulum

Pengurus : Pengarah Pusat Kokurikulum

KPI

JANGKA PENDEK (6 BULAN – 1 TAHUN) 2021-2022

- a. Mengenal pasti platform e-book yang terkini dan sesuai
- b. Mengenal pasti satu rakan strategik bagi penubuhan platform e-book
- c. Satu kertas kerja penubuhan platform ebook
- d. Mengenal pasti satu kod kursus untuk didigitalkan

Pusat Tanggungjawab : Unit Pembangunan Akademik, Pusat Kokurikulum, Bahagian Hal Ehwat Pelajar

JANGKA SEDERHANA (2 TAHUN) 2022 – 2023

- a. Mengadakan tiga bengkel bagi mendigitalkan satu kursus kokurikulum
- b. Membangunkan satu pasukan pembangunan buku
- c. Membangunkan satu pasukan pembelian platform e-book

Pusat Tanggungjawab : Unit Pembangunan Akademik, Pusat Kokurikulum, Bahagian Hal Ehwat Pelajar, Unit Kokurikulum Kampus Cawangan

JANGKA PANJANG (5 TAHUN)

- a. Membangunkan sepenuhnya e-book bagi subjek kursus Kokurikulum

Pusat Tanggungjawab : Unit Pembangunan Akademik, Pusat Kokurikulum, Bahagian Hal Ehwat Pelajar, Unit Kokurikulum Kampus Cawangan

AKTIVITI UTAMA

i) JANGKA PENDEK (6 BULAN – 1 TAHUN) 2021-2022

- a. Mengenal pasti platform e-book yang bersesuaian
- b. Membuat permohonan peruntukan kewangan bagi pembelian platform ebook
- c. Membangunkan kertas kerja pembelian platform e-book
- d. Membuat permohonan kelulusan Jawatankuasa Sistem dan Aplikasi Universiti (JKSAU) dan Jawatankuasa Pembangunan Pembangunan Projek IT Universiti (JPPIT)
- e. Mengenal pasti subjek yang boleh dibangunkan secara ebook

ii) JANGKA SEDERHANA (2 TAHUN) 2022 – 2023

- a. Menguruskan proses pembelian platform e-book dengan syarikat pembekal
- b. Mengadakan bengkel pelaksanaan dan pengoperasian platform e-book kepada staf yang berkaitan
- c. Pembangunan subjek Kokurikulum

iii) JANGKA PANJANG (3 TAHUN)

- a. Menguruskan platform e-book sepenuhnya
- b. Mengenal pasti subjek yang boleh di e-book
- c. Mengadakan bengkel pembangunan e-book
- d. Menwar-warkan platform ebook kepada semua pihak berkeperluan

HASIL**JANGKA PENDEK (6 BULAN – 1 TAHUN) 2021-2022**

- a. Platform e-book dapat dikenalpasti
- b. Kelulusan peruntukan kewangan daripada pihak pengurusan HEP
- c. Memperoleh kelulusan jawatankuasa Jawatankuasa Sistem dan Aplikasi Universiti (JKSAU) dan Jawatankuasa Pembangunan Pembangunan Projek IT Universiti (JPPIT)
- d. Satu subjek dikenalpasti untuk pembangunan e-book (Kesatria Negara)

JANGKA SEDERHANA (2 TAHUN) 2022 – 2023

- a. Platform akan diperolehi dari pihak pembekal
- b. Melaksanakan 3 siri latihan pelaksanaan platform e-book wakil Kokurikulum bersama syarikat pembekal
- c. Membangunkan satu subjek Kokurikulum e-book (Kesatria Negara 1)

JANGKA PANJANG (3 TAHUN)

- a. Platform e-book dapat beroperasi sepenuhnya
- b. Semua bahan pengajaran dan pembelajaran dapat dihasilkan menjadi e-book
- c. Menjana pendapatan sepenuhnya dari e-book

LONJAKAN

JANGKA PENDEK (6 BULAN – 1 TAHUN) 2021-2022

- a. Pemilihan platform e-book Kokurikulum

JANGKA SEDERHANA (2 TAHUN) 2022 – 2023

- a. Pembangunan bahan pengajaran dan pembelajaran Kokurikulum
- b. Pemilikan platform e-book Kokurikulum

JANGKA PANJANG (5 TAHUN)

- a. Menjana pendapatan Kokurikulum
- b. Subjek kokurikulum yang berdaya saing

TERAS STRATEGIK 1

PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN PELAJAR BERKUALITI

INISIATIF 2 – KOLEJ PINTAR

- **TAJUK PROJEK 1 :**
PROJEK SISTEM PENGURUSAN DIGITAL DI KOLEJ KEDIAMAN

Pengenalan : Projek kolej pintar merupakan satu inisiatif untuk meningkatkan perkhidmatan pengurusan kolej kediaman dengan menukarkan cara manual kepada satu sistem pengurusan berdigital. Ketika ini hanya permohonan kolej dan rayuan kolej bagi pelajar lama sahaja yang dibuat secara atas talian dalam sistem e-kolej. Dirancangkan agar proses-proses lain juga akan diperluaskan seperti pelajar yang berjaya kolej akan diberi ruang untuk memilih bilik mereka sendiri, pendaftaran kolej akan dilaksanakan secara atas talian dengan menggunakan QR Code apabila sampai dalam kawasan kolej di samping akan diintegrasikan dengan sistem e-kupon supaya pelajar boleh sentiasa melihat merit markah aktiviti yang telah mereka ikuti. Sistem e-kolej juga akan diintegrasikan dengan aplikasi MyStudents dimana proses didalam e-kolej boleh dilihat dengan menggunakan “smart phone”. Akhir sekali pengurusan kunci bilik pelajar akan digantikan secara berperingkat kepada “smart access lock system” atau SALS yang mana pintu bilik pelajar dan pintu akses ke dalam kawasan kolej boleh di akses hanya menggunakan kad pintar atau aplikasi MyStudents

Objektif : Menjadikan kolej kediaman pelajar mampan, kondusif dan lestari melalui pendekatan kolej pintar, i-Residensi

Pengurus : Ketua Unit Kemudahan Kolej

KPI

JANGKA PENDEK (6 BULAN – 1 TAHUN) 2021-2022

- a. Cadangan tambah baik Sistem Pengurusan Digital di kolej kediaman

Pusat Tanggungjawab : Unit Kemudahan Kolej

JANGKA SEDERHANA (2 TAHUN) 2022 – 2023

- a. Pembentangan amalan terbaik kolej pintar
- b. Mengenal pasti tapak kolej pintar pertama di UiTM
- c. Kolej kediaman di seluruh sistem lengkap dengan menyokong proses pembelajaran
- d. Pembangunan Penambahbaikan Sistem Pengurusan Digital di Kolej Kediaman

Pusat Tanggungjawab : Unit Kemudahan Kolej

JANGKA PANJANG (5 TAHUN)

- a. Pengubahsuaian kolej sedia ada yang terpilih sebagai kolej pintar
- b. Kemudahan sokongan yang komprehensif
- c. Pelaksanaan pelaksanaan Sistem Pengurusan Digital di Kolej Kediaman (ekolej, MyStudents, BSU, eMerit dan SALS)

Pusat Tanggungjawab : Majlis Pengetua, Unit Kemudahan Kolej BHEP & PPI

AKTIVITI UTAMA

JANGKA PENDEK (6 BULAN – 1 TAHUN) 2021-2022

6 Bulan pertama :

- a. Membuat kaji selidik mengenai kesediaan adaptasi kolej pintar dikalangan penghuni
- b. Jawatankuasa perlu mencadangkan pro dan kontra pelaksanaan kolej pintar.
 - i) Implikasi kewangan
 - ii) Sumber manusia
 - iii) Penyelenggaraan
- c. Kaji semula & menyediakan tanda aras WIFI & kemudahan kolej yang bertaraf dunia
- d. Penyediaan kertas kerja, permohonan peruntukan dan kelulusan menjalankan projek
- e. Perbincangan bersama pihak Jabatan Infostruktur, PPII

JANGKA SEDERHANA (2 TAHUN) 2022 – 2023

- a. Lawatan penendarasan ke kolej pintar sedia ada dalam dan luar negara
- b. Mencadangkan spesifikasi kolej pintar UiTM
- c. Pemasangan sistem sokongan jalur lebar & penyelenggaraan berkala di setiap kolej
- d. Mereka bentuk dan pembangunan sistem Pengurusan Pendigitalan di Kolej Kediaman bersama rakan strategik dan pihak berkepentingan
- e. Uji lari sistem

JANGKA PANJANG (5 TAHUN)**Tahun ke 4:**

- a. Proses pengubahsuaian kolej pintar

Tahun ke 5:

- a. Membuat kertas cadangan kepada MEU berserta implikasi kewangan
- b. Mengenal pasti dan mendapatkan sumber kewangan
- c. Maklum balas perkhidmatan yang pantas & berkesan
- d. Penyelenggaraan berkala untuk WIFI & kemudahan kolej
- e. Pelaksanaan Sistem Pengurusan Digital di Kolej Kediaman

HASIL**JANGKA PENDEK (6 BULAN – 1 TAHUN) 2021-2022**

- a. Menyediakan cadangan dan implikasi kos kolej pintar
- b. Pembinaan Kolej Premier: mengenal pasti potensi penajaan dan kolaborasi bersama Syarikat konglomerat seperti TNB, PETRONAS
- c. Menamakan bangunan mengikut nama penaja
- d. Dokumen tanda aras kemudahan kolej
- e. Rangka tindakan pembangunan sistem pengurusan digital di kolej kediaman

JANGKA SEDERHANA (2 TAHUN) 2022 – 2023

- a. Pembentangan amalan terbaik kolej pintar.
- b. Mengenal pasti tapak kolej pintar pertama di UiTM (tapak kolej JATI sebagai kolej premium UiTM atau memilih satu kolej sedia ada)
- c. Kolej kediaman dilengkapi dengan kemudahan WIFI
- d. Peningkatan indeks kepuasan pelajar ke atas penggunaan WIFI & kemudahan kolej
- e. Sistem siap sedia digunakan setelah melalui peringkat ujilari:
- f. Permohonan, pemilihan bilik oleh pelajar sendiri dan pendaftaran kolej secara dalam talian
- g. Penentuan pelajar berjaya kolej melalui rekod e-Merit
- h. Akses view database e-kolej oleh pengurusan kolej, SRK dan Polis Bantuan

JANGKA PANJANG (5 TAHUN)

- a. Pengubahsuaian kolej pintar dalam tempoh 2 tahun yang dilengkapi dengan kemudahan WIFI dan indeks kepuasan hati pelajar di tahap maksima
- b. Pembinaan kolej pintar premium dalam tempoh 3-4 tahun
- c. Keberkesanan dan keberhasilan sistem kepada kegirangan dan kesejahteraan kehidupan pelajar di kolej kediaman
- d. Akses ke bilik penginapan pelajar secara digital (akses kad)

Implikasi kos:

- Ubah suai kolej sedia ada – RM2j/kolej
- Pembinaan kolej baru – RM23j
- Pentadbiran
- Sumber Manusia
- Keperluan Teknikal

Implikasi kos 2:

- Kolej premium melalui PFI

LONJAKAN**JANGKA PENDEK (6 BULAN – 1 TAHUN) 2021-2022**

- a. Merealisasikan inisiatif kolej pintar

JANGKA SEDERHANA (2 TAHUN) 2022 – 2023

- a. Merealisasikan kolej pintar pertama di UiTM

JANGKA PANJANG (5 TAHUN)

- a. Penjenamaan kemudahan kolej & WIFI bertaraf dunia
- b. Memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan kepada perkhidmatan di kolej kediaman bagi menyokong pembangunan pelajar yang seimbang selaras dengan aspirasi universiti

TERAS STRATEGIK 1

PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN PELAJAR BERKUALITI

INISIATIF 3 – KORIDOR KEUSAHAWANAN

- **TAJUK PROJEK 1 :**
KORIDOR KEUSAHAWANAN KOLEJ KEDIAMAN (K-USAHAWAN)

Pengenalan : Projek Koridor Keusahawanan Kolej Kediaman adalah satu inisiatif untuk mewujudkan satu ekosistem yang dapat merangsang persekitaran yang kondusif untuk pelaksanaan aktiviti-aktiviti keusahawanan di kalangan mahasiswa kolej kediaman. Aktiviti-aktiviti inisiatif ini termasuk mengenal pasti lokasi strategik sebagai tempat aktiviti keusahawanan, membangunkan pangkalan data usahawan mahasiswa kolej kediaman dan aktiviti-aktiviti keusahawanan di kolej-kolej kediaman, mengemaskini polisi dan dasar berkaitan aktiviti keusahawanan, penganjuran dan pelaksanaan kursus-kursus kemahiran keusahawanan dan menjadi moderator untuk jalinan bersama pemain-pemain industri keusahawanan. Sistem ini diharapkan dapat meningkatkan pertumbuhan dan penambahan bilangan aktiviti di kalangan mahasiswa kolej kediaman dan meningkatkan kemahiran keusahawanan dan networking di kalangan mahasiswa kolej kediaman dan pemain utama industri keusahawanan di Malaysia mahupun di luar negara

Objektif : Pemerksaan Bakat Keusahawanan Mahasiswa Kolej Kediaman (Keusahawanan)

Pengurus : Pengerusi Majlis Pengetua

KPI

JANGKA PENDEK (6 BULAN – 1 TAHUN) 2021-2022

- a. Pembangunan Konsep, Polisi dan Database Usahawan dan Aktiviti Keusahawanan di kalangan mahasiswa Kolej Kediaman

Pusat Tanggungjawab : Pejabat Pengarah Pembangunan Pelajar/Timbangan Rektor HEP / Majlis Pengetua Kolej Kediaman

JANGKA SEDERHANA (2 TAHUN) 2022 – 2023

- a. Mewujudkan ekosistem keusahawan di kolej kediaman dengan mengenal pasti ruang aktiviti keusahawan dan latihan kemahiran keusahawanan untuk mahasiswa kolej kediaman

Pusat Tanggungjawab : Pejabat Pengarah Pembangunan Pelajar/ Timbalan Rektor HEP / Majlis Pengetua Kolej Kediaman

JANGKA PANJANG (5 TAHUN)

- a. Melahirkan Jutawan Bumiputera di Kalangan Mahasiswa Kolej Kediaman

Pusat Tanggungjawab : Pejabat Pengarah Pembangunan Pelajar Timbalan Rektor HEP / Majlis Pengetua Kolej Kediaman

AKTIVITI UTAMA

JANGKA PENDEK (6 BULAN – 1 TAHUN) 2021-2022

6 bulan pertama :

- a. Kenal pasti dan persediaan koridor keusahawanan di lokasi strategik sekitar kawasan kolej-kolej kediaman dan pusat tumpuan mahasiswa
- b. Pelaksanaan aktiviti keusahawanan mahasiswa seperti kiosk-kiosk jualan dan pasar malam di lokasi strategik sekitar kawasan kolej-kolej kediaman
- c. Membentuk Jawatankuasa Utama Induk dan Pelaksana
- d. Bengkel Pemurnian Kertaskerja Koridor Keusahawanan Kolej Kediaman
- e. Database Projek dan Mahasiswa Keusahawanan Kolej Kediaman

6 bulan kedua :

- a. Melengkapkan Database Projek dan Mahasiswa Keusahawanan Kolej Kediaman
- b. Executive Diploma dalam pemasaran digital
- c. Pelaksanaan aktiviti keusahawanan seperti Karnival Keusahawanan, Ekspo Keusahawanan, Pasar Malam Perdana, Ekspo dan Karnival Keusahawanan Pelajar di lokasi strategik sekitar kawasan kediaman dan pusat tumpuan pelajar

JANGKA SEDERHANA (2 TAHUN) 2022 – 2023

- a. Menambah ruang dan tapak koridor keusahawanan kolej kediaman dan di sekitar kampus yang strategik tempat tumpuan mahasiswa
- b. Menganjurkan Ekspo Keusahawanan dan Karnival Keusahawanan Mega dan Perdana di dalam kampus berkolaborasi dengan agensi dan kementerian pertanian, keusahawanan dan syarikat utama
- c. Menganjurkan latihan kemahiran keusahawanan dan kewangan
- d. MOU dan MOA

JANGKA PANJANG (5 TAHUN)

- a. Memperkasakan jaringan industri
- b. Memperbanyak strategi pemasaran mega
- c. E- dagang secara global

HASIL**JANGKA PENDEK (6 BULAN – 1 TAHUN) 2021-2022**

- a. Kertas kerja, Polisi dan Database Projek dan Mahasiswa Keusahawan Kolej Kediaman
- b. Mengenal pasti koridor keusahawanan di Dataran Delima
- c. Melaksanakan aktiviti keusahawanan mahasiswa di seperti Karnival Keusahawanan, Ekspo Keusahawanan, Pasar Malam Perdana, Ekspo dan Karnival Keusahawanan Pelajar di lokasi strategik sekitar kawasan kediaman dan pusat tumpuan mahasiswa
- d. Menyiapkan kertas kerja Koridor Keusahawan Kolej Kediaman
- e. Mengemaskini Polisi Keusahawanan Kolej Kediaman
- f. Melengkapkan database projek dan mahasiswa keusahawanan kolej kediaman

JANGKA SEDERHANA (2 TAHUN) 2022 – 2023

- a. Mewujudkan Koridor Keusahawanan Kolej Kediaman
- b. Memastikan ekosistem, ruang dan tapak untuk aktiviti keusahawanan berjalan dengan baik dan lancar
- c. Pelaksanaan aktiviti keusahawanan mega seperti Ekspo dan Karnival Keusahawanan secara berkala

JANGKA PANJANG (5 TAHUN)

- a. Melahirkan milineurpreneur di kalangan mahasiswa kolej kediaman
- b. Melahirkan Jutawan Bumiputera di kalangan mahasiswa kolej kediaman

LONJAKAN

JANGKA PENDEK (6 BULAN – 1 TAHUN) 2021-2022

- a. Membuat persediaan dokumentasi, database dan pelaksanaan awal dan percubaan projek dan usahawan di kalangan mahasiswa kolej kediaman untuk memudahkan capaian maklumat dan pelaksanaan latihan kemahiran keusahawanan di kalangan mahasiswa kolej kediaman

JANGKA SEDERHANA (2 TAHUN) 2022 – 2023

- a. Memastikan pengwujudan ekosistem kondusif untuk aktiviti keusahawanan dilaksanakan oleh mahasiswa kolej kediaman di dalam kampus

JANGKA PANJANG (5 TAHUN)

- a. Ketampakan HEP sebagai satu bahagian yang memperkasakan inisiatif untuk melahirkan jutawan Bumiputera di kalangan mahasiswa kolej kediaman selari dengan hasrat penubuhan dan agenda pemerksaan Bumiputera oleh Universiti Teknologi MARA.

TERAS STRATEGIK 1

PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN PELAJAR BERKUALITI

INISIATIF 4 – KEPRIHATINAN & KESEJAHTERAAN

- **TAJUK PROJEK 1 :**
PROJEK E-PSIKOMETRIK

Pengenalan : Projek e-Psikometrik merupakan satu inisiatif untuk mengumpul alat ujian psikologi dan diletakkan sebagai salah satu modul di dalam sistem Counselling2U. Alat ujian ini dikumpul setempat (one stop point) di dalam sistem untuk memudahkan para pelajar dapat mengakses dan menjalani pelbagai alat ujian yang bersesuaian. Alat ujian yang disenaraikan dapat menjadi medium yang boleh digunakan untuk membantu pelajar mengenal diri serta alat saringan yang dapat membantu Kaunselor dari segi maklumat tambahan pelajar/klien seperti status kesihatan mental, jenis personaliti dan sebagainya. Seterusnya, penjaan laporan skor ringkas akan dibuat sebagai keterangan hasil ujian yang dijalani oleh pelajar. Impak daripada inisiatif ini akan dapat memudahkan akses pelajar bagi tujuan pembangunan sendiri sama ada secara sukarela atau tujuan saringan dengan seliaan Kaunselor

Objektif : Mewujud dan mengumpul alat ujian psikologi secara atas talian bagi memudahkan akses pelajar ke arah pembangunan dan kesejahteraan diri pelajar

Pengurus : Pengarah Pusat Kerjaya & Kaunseling

KPI

JANGKA PENDEK (6 BULAN – 1 TAHUN) 2022-2023

- a. Menyenaraikan ujian psikologi yang sah
- b. Menghubungi pemilik ujian untuk tujuan kebenaran penggunaan

Pusat Tanggungjawab : Pejabat TNC HEP/ Pejabat TD HEP/ Pejabat TREK HEP, Pusat Kerjaya & Kaunseling, Pejabat Infostruktur

JANGKA SEDERHANA (2 TAHUN) 2022 – 2024

- a. Mengadakan perbincangan bersama Pejabat Infostruktur berkaitan modul ujian e-Psikometrik

Pusat Tanggungjawab : Pejabat TNC HEP/ Pejabat TD HEP/ Pejabat TREK HEP, Pusat Kerjaya & Kaunseling, Pejabat Infostruktur

JANGKA PANJANG (5 TAHUN)

- a. Capaian mudah dan pantas kepada pelajar untuk menggunakan e-Psikometrik di seluruh kampus/ cawangan
- b. Pusat sehati senarai ujian psikologi untuk kegunaan pelajar

Pusat Tanggungjawab : Pejabat TNC HEP/ Pejabat TD HEP/ Pejabat TREK HEP, Pusat Kerjaya & Kaunseling, Pejabat Infostruktur

AKTIVITI UTAMA

JANGKA PENDEK (6 BULAN – 1 TAHUN) 2022-2023

- a. Penyediaan bahan ujian psikologi yang dikenalpasti
- b. Perbincangan penambahan modul e-Psikometrik bersama pihak Jabatan Infostruktur, PPII

JANGKA SEDERHANA (2 TAHUN) 2022 – 2024

- a. Siri bengkel latihan ujian psikologi
- b. Mengadakan uji lari dan latihan penggunaan
- c. Membuat promosi /hebahan mengenai ujian e-Psikometrik secara infografik

JANGKA PANJANG (5 TAHUN)

- a. Membuat penambahan ujian dari masa ke semasa dengan kebenaran pemilik asal
- b. Menjana laporan penggunaan ujian

HASIL

JANGKA PENDEK (6 BULAN – 1 TAHUN) 2022-2023

- a. Bahan ujian psikologi telah disiapkan

JANGKA SEDERHANA (2 TAHUN) 2022 – 2024

- a. Penambahan alat ujian psikologi yang baru

JANGKA PANJANG (5 TAHUN)

- a. Modul e-Psikometrik siap sepenuhnya 100%

Implikasi kos:

- Pentadbiran
- Sumber Manusia
- Keperluan Teknikal
- Capaian internet

LONJAKAN

JANGKA PENDEK (6 BULAN – 1 TAHUN) 2021-2022

- a. HEP prihatin dan pelajar sejahtera

JANGKA SEDERHANA (2 TAHUN) 2022 – 2023

- a. Pembangunan Kendiri pelajar dan meningkatkan prestasi dalam pembelajaran pelajar

JANGKA PANJANG (5 TAHUN)

- a. HEP menyokong ke arah graduan yang seimbang dan sejahtera menuju GRU2025

TERAS STRATEGIK 1

PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN PELAJAR BERKUALITI

INISIATIF 4 – KEPRIHATINAN & KESEJAHTERAAN

- **TAJUK PROJEK 2 :**
PROJEK LET'S TALK MINDA SIHAT@UiTM

Pengenalan : Menyokong inisiatif HEP bagi memastikan keprihatinan dan kesejahteraan warga kampus UiTM. Selaras dengan situasi semasa status kesihatan mental di Malaysia amnya dan di kalangan pelajar UiTM khususnya, projek Let's Talk Minda Sihat @ UiTM menumpukan pengurusan pengendalian kesihatan minda secara bersepadu dan holistik, melibatkan beberapa PTJ. Integrasi bersepadu melaksanakan promosi dan kesedaran, pengesanan awal dan rawatan /intervensi secara bersepadu yang dapat merealisasikan inisiatif keprihatinan dan kesejahteraan, HEP menyokong UiTM dalam aktiviti Sustainable Development Goals (SDG) 3 (Good Health and Well-being) ke arah graduan yang seimbang dan sejahtera menuju GRU2025

Objektif : 1. Memberikan kesedaran dan pengetahuan berkenaan kesihatan mental kepada warga UiTM
2. Pengesanan awal masalah kesihatan mental dalam kalangan warga UiTM
3. Semua pelajar yang mengalami masalah kesihatan mental menerima rawatan atau intervensi yang bersesuaian secara bersepadu

Pengurus : Pengarah Pusat Kesihatan UiTM

KPI

JANGKA PENDEK (6 BULAN – 1 TAHUN) JUN 2022- DISEMBER 2022

- a. Mewujudkan jawatankuasa Pengurusan Minda Sihat UiTM
- b. Mempromosikan kesedaran kesihatan mental di kalangan warga UiTM
- c. Latihan pengesanan awal masalah kesihatan mental di kalangan staf UiTM
- d. Melaksanakan latihan kepada Rakan kaunselor UiTM
- e. Menghasilkan buku Garis panduan pengurusan Minda Sihat UiTM
- f. Melancarkan buku Garis panduan pengurusan minda sihat UiTM

Pusat Tanggungjawab : BHEP (Pusat Kesihatan UiTM, Pusat Kerjaya dan Kaunseling UiTM dan Unit Kolej Kediaman) dan Bahagian Hal Ehwal Islam UiTM (BHEI), TD HEP Fakulti, TREK HEP UiTM kampus cawangan

JANGKA SEDERHANA (1 TAHUN) 2022 – 2023

- a. Memantapkan program-program promosi Let's Talk Minda Sihat@UiTM secara bersepadu
 - Program 'Talk To Us' – Minggu kesedaran Minda Sihat secara berkala
 - Program Saringan awal Minda Sihat semua pelajar baru dan lama
- b. Melaksanakan Program Pemantapan latihan pengendalian kesihatan mental bersepadu dan terkini secara berkala kepada jawatankuasa dan petugas Minda Sihat
 - Melatih lebih ramai Rakan Kaunselor untuk membantu rakan sebaya di kalangan pelajar di setiap Fakulti dan kolej kediaman setiap kampus
- c. Menubuhkan one stop centre Let's Talk Minda Sihat@UiTM di 30% fakulti dan kampus UiTM

Pusat Tanggungjawab : BHEP(Pusat Kesihatan UiTM, Pusat Kerjaya dan Kaunseling UiTM dan Unit Kemudahan Kolej), Bahagian Hal Ehwal Islam UiTM (BHEI), TD HEP Fakulti, TREK kampus cawangan UiTM, Polis Bantuan UiTM

JANGKA PANJANG (2 - 5 TAHUN)

- a. Memperkasakan one stop centre Let's Talk Minda Sihat@UiTM di semua kampus UiTM (100%)
- b. Mewujudkan sistem saringan sendiri Minda Sihat UiTM
- c. Menghasilkan modul Health and Wellness @ Uni
- d. Melancarkan modul Health & Wellness @UiTM

Pusat Tanggungjawab : BHEP (Pusat Kesihatan UiTM, Pusat Kerjaya dan Kaunseling UiTM dan Unit Kemudahan Kolej), Bahagian Hal Ehwal Islam UiTM (BHEI), Jabatan Psikiatri Fakulti Perubatan, BHEA, TD HEP Fakulti, TREK HEP kampus cawangan UiTM

AKTIVITI UTAMA

JANGKA PENDEK (6 BULAN – 1 TAHUN) JUN 2022- DISEMBER 2022

- Pembentukan Jawatankuasa Pengurusan Minda Sihat UiTM
- Menghasilkan bahan promosi kesedaran kesihatan mental
- Memberi latihan kepada pelajar terpilih dengan kemahiran asas kaunseling
- Bengkel penulisan buku Garis Panduan Pengurusan Minda Sihat

JANGKA SEDERHANA (2 TAHUN) 2022 – 2024

- Melaksanakan program Talk To Us secara berkala
- Melaksanakan proses saringan kepada semua pelajar baru
- Merekrut dan melatih lebih ramai Rakan Kaunselor
- Menggerakkan jawatankuasa bagi kerja penubuhan one stop centre Let's Talk Minda Sihat@UiTM

JANGKA PANJANG (5 TAHUN)

- Menggariskan pelan tindakan pemerkasaan one stop centre Let's Talk Minda Sihat@UiTM di semua kampus UiTM
- Mewujudkan sistem saringan sendiri Minda Sihat UiTM
- Menghasilkan modul Health and Wellness @ Uni
- Melancarkan modul Health & Wellness @UiTM

HASIL

JANGKA PENDEK (6 BULAN – 1 TAHUN) 2022-2023

- Penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Minda Sihat UiTM
- Program Kempen promosi kesedaran kesihatan mental
- Rakan Kaunselor dalam kalangan pelajar mendapat latihan asas kaunseling
- Garis Panduan Pengurusan Minda Sihat siap disediakan dan menjadi rujukan

JANGKA SEDERHANA (2 TAHUN) 2022 – 2024

- Siri program Talk To Us dapat dilaksanakan secara berkala
- Semua pelajar baru disaring dan dapat dikenal pasti status kesihatan mental mereka
- Rakan Kaunselor semakin dikenali dan dirujuk oleh pelajar
- Penubuhan one stop centre Let's Talk Minda Sihat@UiTM di 30% fakulti dan kampus UiTM

JANGKA PANJANG (5 TAHUN)

- Tertubuhnya one stop centre Let's Talk Minda Sihat@UiTM di semua kampus UiTM
- Sistem saringan sendiri Minda Sihat UiTM yang mantap
- Modul Health and Wellness @ Uni digunapakai pelajar

Implikasi kos:

- Pentadbiran
- Sumber Manusia
- Keperluan Teknikal
- Capaian internet

Hasil

LONJAKAN**JANGKA PENDEK (6 BULAN – 1 TAHUN) 2021-2022**

- HEP prihatin dan pelajar sejahtera

JANGKA SEDERHANA (2 TAHUN) 2022 – 2023

- Pembangunan Kendiri pelajar dan meningkatkan prestasi dalam pembelajaran pelajar

JANGKA PANJANG (5 TAHUN)

- HEP menyokong ke arah graduan yang seimbang dan sejahtera menuju GRU2025

Lonjakan

TERAS STRATEGIK 1

PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN PELAJAR BERKUALITI

INISIATIF 4 – KEPRIHATINAN & KESEJAHTERAAN

- **TAJUK PROJEK 3 :**
PROJEK E-SAFE (SEARCH AND FIGHT THE ENEMY- AEDES)

Pengenalan : Projek e-SAFE (Search And Fight the Enemy - Aedes) menyokong inisiatif 12 HEP: keprihatinan dan kesejahteraan warga kampus UiTM yang selari dengan usaha untuk mencapai Matlamat Pembangunan Lestari atau Sustainable Development Goal (SDG) yang dirancang oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu SDG 3: memastikan kehidupan sihat dan menggalakkan kesejahteraan kepada semua dalam semua lapisan umur. Projek e-SAFE membantu memastikan persekitaran selamat dan bebas denggi di dalam kampus dengan mewujudkan aplikasi mudah dan mesra pengguna yang boleh digunakan oleh pasukan D'Buster UiTM untuk merekodkan aktiviti cari dan musnah atau search & destroy (S&D) tempat pembiakan nyamuk aedes menggunakan aplikasi e-SAFE. Penggunaan aplikasi ini akan memaparkan data statistik terkini pelaksanaan aktiviti S&D di setiap PTJ secara real-time di dashboard e-SAFE bagi tujuan pemantauan dan tindakan segera

Objektif : Memastikan persekitaran selamat dan bebas denggi di dalam kampus UiTM menerusi pemerikasaan komuniti dalam melaksanakan aktiviti cari dan musnah tempat pembiakan aedes menggunakan aplikasi e-SAFE

Pengurus : Pengarah Pusat Kesihatan UiTM

KPI

JANGKA PENDEK (6 BULAN – 1 TAHUN) 2021-2022

- a. Mewujudkan aplikasi mesra pengguna yang boleh digunakan oleh pasukan D-Buster UiTM melibatkan staf dan pelajar di semua peringkat untuk merekodkan pelaksanaan aktiviti cari dan musnah (S&D) tempat pembiakan aedes di bahagian/ jabatan/ fakulti/ kolej masing-masing
- b. Mewujudkan Dashboard e-SAFE yang memaparkan data terkini statistik pelaksanaan aktiviti S&D di setiap PTJ bagi tujuan tindakan segera

Pusat Tanggungjawab: Unit Kesihatan Awam, Pusat Kesihatan, Bahagian Hal Ehwaj Pelajar

JANGKA SEDERHANA (2 TAHUN) 2022 – 2023

- a. Pemerksaan komuniti dengan memastikan aplikasi e-SAFE yang diwujudkan digunakan dengan liputan meluas merangkumi lebih 80% PTJ di seluruh kampus UiTM dengan kekerapan sekurang-kurangnya sekali seminggu
- b. Latihan penggunaan aplikasi e-SAFE di kampus cawangan

Pusat Tanggungjawab: Unit Kesihatan Awam, Pusat Kesihatan, Bahagian Hal Ehwaj Pelajar TREK HEP dan TD HEP

JANGKA PANJANG (5 TAHUN)

- a. Pengurangan bekas positif (<5%) dijumpai dalam aktiviti pemeriksaan pembiakan aedes di dalam persekitaran kampus UiTM

Pusat Tanggungjawab: Unit Kesihatan Awam, Pusat Kesihatan, Bahagian Hal Ehwaj Pelajar, TD HEP, TREK HEP, Kolej Kediaman, PTJ

AKTIVITI UTAMA

JANGKA PENDEK (6 BULAN – 1 TAHUN) 2021-2022

- a. Memperkenalkan aplikasi e-SAFE kepada semua PTJ di UiTM
- b. Memberi latihan penggunaan aplikasi e-SAFE kepada pasukan D'Buster UiTM yang bertanggungjawab melaksanakan proses pembiakan Aedes (PPA) di fakulti/ bahagian/ kolej masing-masing
- c. Melaksanakan uji lari penggunaan aplikasi e-SAFE di UiTM Shah Alam oleh semua PTJ
- d. Memantau kemasukan data dan pengumpulan maklumat diterima melalui aplikasi e-SAFE
- e. Menjalankan analisa keperluan data dan mengemaskini paparan data di Dashboard e-SAFE

JANGKA SEDERHANA (2 TAHUN) 2022 – 2023

- a. Melaksanakan program promosi dan pengenalan aplikasi e-SAFE bertujuan untuk memastikan peluasan liputan dan skop penggunaan e-SAFE
- b. Menjalankan analisa kemasukan data, menambahbaik dan mengemaskini paparan data di Dashboard e-SAFE
- c. Mendapatkan maklum balas penggunaan dari pengguna aplikasi e-SAFE dan membuat penambahbaikan aplikasi
- d. Berhubung dengan dengan agensi luar dan pemegang taruh yang berkaitan (seperti Pejabat Kesihatan Daerah Petaling) untuk tujuan integrasi aplikasi e-SAFE dengan sistem dan aplikasi sedia ada
- e. Melancarkan aplikasi e-SAFE dan Dashboard e-SAFE

JANGKA PANJANG (5 TAHUN)

- a. Melaksanakan proses kaji semula secara berkala penggunaan e-SAFE untuk tujuan penambahbaikan berterusan
- b. Menjalankan latihan berterusan penggunaan e-SAFE untuk pasukan D'Buster UiTM
- c. Melaksanakan proses integrasi sistem dengan agensi luar dan pemegang taruh yang berkaitan
- d. Penguatkuasaan penggunaan aplikasi e-SAFE melalui Pekeliling Naib Canselor bagi memastikan keberkerkesanan dan pencapaian objektif melalui penggunaan aplikasi secara berterusan dan menyeluruh
- e. Meluaskan skop liputan aplikasi e-SAFE merangkumi penyakit berjangkit selain denggi yang memerlukan penglibatan komuniti dalam usaha pencegahan penularan

HASIL**JANGKA PENDEK (6 BULAN – 1 TAHUN) 2021-2022**

- a. Pelaksanaan proses cari dan musnah tempat pembiakan Aedes dapat mencapai liputan yang luas meliputi semua lokasi persekitaran di UiTM.
- b. Persekitaran yang lebih bersih dan selamat dari denggi menerusi pengurangan penemuan bekas positif pembiakan aedes di dalam kawasan kampus UiTM.
- c. Pelaporan penemuan bekas positif kepada pengurusan tertinggi, PTJ dan bahagian berkaitan dengan lebih pantas bagi tujuan tindakan selanjutnya seperti pemusnahan tempat pembiakan aedes oleh pihak PPII jika diperlukan

JANGKA SEDERHANA (2 TAHUN) 2022 – 2023

- a. Pemerksaan komuniti UiTM dan penglibatan lebih menyeluruh semua warga dalam usaha memastikan kebersihan persekitaran kampus UiTM dan pencegahan penyakit bawaan vektor
- b. Mewujudkan persekitaran kampus UiTM yang bersih dan bebas denggi
- c. Pelaksanaan langkah pemusnahan tempat pembiakan Aedes yang lebih pantas dan efektif melibatkan semua PTJ berkaitan seperti Pejabat Pembangunan Infrastruktur dan Infostruktur dan Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

JANGKA PANJANG (5 TAHUN)

- a. Kesedaran lebih menyeluruh di kalangan semua warga mengenai kepentingan kebersihan persekitaran dalam usaha pencegahan penyakit demam denggi
- b. Mewujudkan ekosistem dan persekitaran kampus yang selamat, bersih dan bebas denggi seterusnya lebih kondusif untuk pembelajaran

LONJAKAN**JANGKA PENDEK (6 BULAN – 1 TAHUN) 2021-2022**

- a. Peningkatan produktiviti organisasi melalui pelaksanaan tugas lebih kerap, pantas dan efektif oleh pasukan D'Buster UiTM dan Unit Kesihatan Awam, Pusat Kesihatan UiTM
- b. Peningkatan kualiti tugas meliputi peningkatan jumlah pelaksanaan aktiviti PPA, ketepatan pelaporan data dan seterusnya membolehkan tindakan lebih pantas diambil jika perlu
- c. Penjimatan kos dan sumber melalui pengurangan penggunaan kertas dan cetakan
- d. Penjimatan masa dari sudut penyediaan laporan dan tempoh penyampaian pelaporan kepada bahagian berkaitan termasuk kepada pengurusan tertinggi UiTM
- e. Pemakluman dan penyampaian maklumat yang lebih efisien, pantas dan tepat
- f. Peningkatan moral pasukan D'Buster dan Unit Kesihatan Awam, Pusat Kesihatan dalam melaksanakan aktiviti PPA

JANGKA SEDERHANA (2 TAHUN) 2022 – 2023

- a. Pemerksaan komuniti UiTM dalam sama-sama berusaha mencegah dan membasmi penyakit denggi
- b. Persekitaran kampus UiTM yang bersih, selamat dan bebas denggi
- c. Peningkatan produktiviti dan kualiti tugas melalui aktiviti pemeriksaan pembiakan aedes yang menyeluruh, pantas, tepat, dan berkesan

JANGKA PANJANG (5 TAHUN)

- Mewujudkan ekosistem dan persekitaran kampus UiTM yang lebih bersih, selamat dan kondusif untuk pembelajaran
- Bahagian Hal Ehwal Pelajar sentiasa prihatin dan komited dalam usaha menyediakan dan memastikan perkhidmatan dan kemudahan pelajar yang berkualiti
- Melahirkan warga UiTM yang bertanggungjawab, komited terhadap tugas dan sentiasa berusaha menyumbang dan berusaha untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti organisasi

INFOGRAFIK MAKLUMAT PROJEK E-SAFE UiTM



Gambar 1: Contoh paparan Dashboard pelaksanaan aktiviti pemeriksaan premis makanan di UiTM merangkumi jumlah premis, jumlah pemeriksaan, keputusan pemeriksaan dan paparan lokasi premis yang diperiksa di Google Map.



Gambar 2: Contoh paparan template email pelaksanaan aktiviti pemeriksaan pembiakan aedes di fakulti UiTM merangkumi bahagian dijalankan, tarikh dan masa serta keputusan pemeriksaan.



BEKAS-BEKAS PEMBIAKAN	TINDAKAN YANG PERLU DIAMBIL	BILANGAN BEKAS		BILANGAN BEKAS DIPERIKSA
		BERPOTENSI	POSITIF	
LUAR PREMIS				
Tong drum	<ul style="list-style-type: none"> Tutup dengan rapat. Letak bahan pembunuh jentik-jentik. 			0
Pelapik pasu bunga	<ul style="list-style-type: none"> Letak bahan pembunuh jentik-jentik. Cuci dan bersihkan. 			0
Tin-tin dan botol minuman	<ul style="list-style-type: none"> Lupuskan dengan sempurna. 			0
Tayar	<ul style="list-style-type: none"> Lupuskan dengan sempurna. Letak bahan pembunuh jentik-jentik. 			0
Bekas hydroponik	<ul style="list-style-type: none"> Cuci dan bersihkan. Pastikan tiada pembiakan jentik-jentik 			0
Kanvas / Karung	<ul style="list-style-type: none"> Lupuskan dengan sempurna. Letak bahan pembunuh jentik-jentik. Letakkan di tempat yang terlindung dari air hujan. Pastikan tiada pembiakan jentik-jentik. 			0
Bekas plastik dan polistrin	<ul style="list-style-type: none"> Lupuskan dengan sempurna. 			0
Poket pokok	<ul style="list-style-type: none"> Letak bahan pembunuh jentik-jentik. 			0
Bekas minuman haiwan peliharaan	<ul style="list-style-type: none"> Pastikan tiada pembiakan jentik-jentik. Berus dan cuci setiap minggu. 			0
Sistem saliran air hujan "gutter"	<ul style="list-style-type: none"> Cuci dan bersihkan. Buang dan lupus sampah / daun yang menyebabkan air bertakung. 			0
Lantai yang bersampah / tidak rata (bertakung air)	<ul style="list-style-type: none"> Cuci dan bersihkan. Buang dan lupus sampah / daun yang menyebabkan air bertakung 			0

3

Longkang / Sum longkang	<ul style="list-style-type: none"> Cuci dan bersihkan. Buang dan lupus sampah / daun yang menyebabkan air bertakung 			0
Kenderaan lama (proses pelupusan)	<ul style="list-style-type: none"> Pastikan tiada terdapat terdapat menakung air. Jika ada bersihkan dan cuci / letak bahan pembunuh jentik-jentik. 			0
Bahan projek pelajar	<ul style="list-style-type: none"> Pastikan tiada terdapat terdapat menakung air. Jika ada, bersihkan dan cuci / letak bahan pembunuh jentik-jentik. 			0
Daun dan pelepah pokok	<ul style="list-style-type: none"> Lupuskan dengan sempurna. 			0
Kerusi / Meja	<ul style="list-style-type: none"> Letakkan di tempat yang terlindung dari air hujan. 			0
Penghadang Jalan / Kon	<ul style="list-style-type: none"> Pastikan kon tidak menakung air. Letak bahan pembunuh jentik-jentik. 			0
Tong sampah	<ul style="list-style-type: none"> Pastikan tong sampah tidak menakung air. Jika ada, bersihkan dan cuci / letak bahan pembunuh jentik-jentik. 			0
Lain-lain :			2	2

(Dokumen ini hanya untuk kegunaan dalaman Universiti Teknologi MARA sahaja dan dijana oleh komputer serta tidak memerlukan tandatangan)

Gambar 3: Contoh borang pelaporan pelaksanaan aktiviti pemeriksaan pembiakan aedes di fakulti UiTM merangkumi bilangan bekas berpotensi, bekas diperiksa dan bekas positif pembiakan aedes.



TERAS STRATEGIK 2

**PEMBANGUNAN PELAJAR
BERTERASKAN BAKAT DAN
NILAI**

Universiti Teknologi MARA
Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS KUALA PILAH

TERAS STRATEGIK 2

PEMBANGUNAN PELAJAR BERTERASKAN BAKAT DAN NILAI

INISIATIF 5 – KECEMERLANGAN BAKAT

- **TAJUK PROJEK 1 :**
ANUGERAH KECEMERLANGAN BAKAT SENI & BUDAYA UiTM

Pengenalan : Projek ini merupakan satu inisiatif Pusat Kebudayaan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, UiTM memberikan penghargaan kepada kejayaan dan kecemerlangan pelajar dalam penglibatan mereka di bidang seni persembahan dan kebudayaan. Inisiatif ini mampu melonjakkan kualiti dan kecemerlangan pelajar untuk lebih berdaya saing dan sentiasa perihatin terhadap kualiti dan prestasi. Proses pembangunan kualiti bakat dan nilai akan disusun dengan pelbagai aktiviti dan program di peringkat universiti sehingga ke peringkat antarabangsa. Disamping itu juga pelajar-pelajar yang cemerlang dan memiliki potensi akan diketengahkan ke persada industri kreatif secara komersil agar ia data memberikan impak yang besar kepada pelajar dan universiti. Selain menjadikan peluang penjanaaan pendapatan, ia juga mampu membawa nama universiti keperingkat global.

Objektif : Pengiktirafan Bakat Berprestij (Seni Dan Budaya)

Pengurus : Koordinator Pusat Kebudayaan UiTM

KPI

JANGKA PENDEK (6 BULAN – 1 TAHUN) 2021-2022

- Melatih dan membimbing bakat 100 orang pelajar dalam kemahiran seni dan budaya
- Mengenal pasti 50 orang pelajar mendapat pengiktirafan dalam kejohanan yang disertai

Pusat Tanggungjawab: Pusat Kebudayaan UiTM dan Kolej Pengajian Seni Kreatif UiTM

JANGKA SEDERHANA (2 TAHUN) 2022 – 2023

- Melatih dan membimbing bakat 200 orang pelajar dalam kemahiran seni dan budaya
- Mengenal pasti 100 orang pelajar mendapat pengiktirafan dalam kejohanan yang disertai

Pusat Tanggungjawab: Pusat Kebudayaan UiTM dan Kolej Pengajian Seni Kreatif UiTM

JANGKA PANJANG (5 TAHUN)

- Melatih dan membimbing bakat 300 orang pelajar dalam kemahiran seni dan budaya
- Mengenal pasti 200 orang pelajar mendapat pengiktirafan dalam kejohanan yang disertai

Pusat Tanggungjawab: Pusat Kebudayaan UiTM dan Kolej Pengajian Seni Kreatif UiTM

AKTIVITI UTAMA

JANGKA PENDEK (6 BULAN – 1 TAHUN) 2021-2022

- MOU bersama Istana Budaya dan Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara
- Penglibatan bersama industri kreatif tanahair dan antarabangsa
- Penganjuran pertandingan bakat - U STAR SEARCH (Seluruh UiTM)

JANGKA SEDERHANA (2 TAHUN) 2022 – 2023

- Penghasilan produk bakat dan karya yang dapat dikomersialkan dan didaftarkan Hak Milik (Copywrite Protection)
- Mewujudkan Talent Corner di setiap kolej dan fakulti untuk memupuk budaya berkarya serta mencungkil bakat
- Penganjuran pertandingan bakat - U STAR SEARCH (Peringkat Kebangsaan)

JANGKA PANJANG (5 TAHUN)

- a. Membuat benchmarking terhadap program seni dan budaya dengan institusi pendidikan tinggi dan agensi profesional dalam dan luar negara
- b. Menyertai dan Memenangi kejohanan peringkat antarabangsa
- c. Penganjuran pertandingan bakat - U STAR SEARCH (Peringkat Antarabangsa)

HASIL**JANGKA PENDEK (6 BULAN – 1 TAHUN) 2021-2022**

- a. Mengenal pasti pihak berkaitan dalam industri Kreatif untuk mengadakan kerjasama bersama UiTM

JANGKA SEDERHANA (2 TAHUN) 2022 – 2023

- a. Menambahbaik proses pelaksanaan dan penganjuran program pengiktirafan dan pertandingan
- b. Mendapatkan maklumbalas dari agensi yang berkaitan seperti Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara, Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) dan MyIPO berkenaan pelaksanaan program pengiktirafan yang lebih mantap

JANGKA PANJANG (5 TAHUN)

- a. Melahirkan pelajar profesional, dinamik dan seimbang dalam bidang seni dan budaya yang bardaya saing serta diiktiraf oleh industri kreatif kebangsaan dan antarabangsa

Implikasi kos

- Kewangan - RM500,000.00
- Sumber Manusia – Penambahan kakitangan diperlukan terutama di bahagian pemasaran dan pentadbiran
- Ruang – Menggunakan Ruang Operasi sedia ada
- Keperluan Teknikal - Penambahan diperlukan – Komputer untuk Video/Audio Editing dan Perisian dan HD Kamera Video

LONJAKAN

JANGKA PENDEK (6 BULAN – 1 TAHUN) 2021-2022

- a. Menjadikan HEP sebagai satu pusat untuk melahirkan bakat pelajar dalam bidang seni dan budaya

JANGKA SEDERHANA (2 TAHUN) 2022 – 2023

- a. Ketampakan HEP sebagai satu bahagian yang memberikan nilai tambah kepada pelajar untuk cemerlang dalam bidang seni dan budaya

JANGKA PANJANG (5 TAHUN)

- a. Ketampakan HEP sebagai satu bahagian yang memberikan perkhidmatan dan kemudahan berkualiti sehingga ke peringkat global, terutamanya dalam teras pembangunan dan kecemerlangan bakat dan nilai



TERAS STRATEGIK 2

PEMBANGUNAN PELAJAR BERTERASKAN BAKAT DAN NILAI

INISIATIF 5 – KECEMERLANGAN BAKAT

TAJUK PROJEK 2 : HEPi MEDIA

Pengenalan : HEPi Media merupakan platform youtube rasmi yang dibangunkan untuk tujuan penyebaran maklumat berkaitan aktiviti pelajar dan kakitangan di Bahagian Hal Ehwal Pelajar. HEPi Media dipertanggungjawabkan kepada Pejabat Pengarah Pembangunan Pelajar yang akan dikendalikan oleh Pusat Kebudayaan dengan kerjasama Kelab Komunikasi dan Pengajian Media. HEPi Media akan dijadikan sebagai pusat penyampaian dan hebahan secara berpusat bagi semua aktiviti atau program yang dijalankan sama ada di peringkat persatuan pelajar, kolej kediaman dan semua jabatan di HEP. Sesuai dengan peredaran dan keperluan masa kini, HEPi Media akan menyerlahkan peranan HEP untuk mengetengahkan bakat pelajar di seluruh kampus UiTM, selain menjadi medan perkongsian dari pihak pengurusan HEP melalui slot-slot khas yang akan dibangunkan.

Objektif :

1. Mewujudkan satu platform di atas talian yang bertujuan menghimpunkan semua aktiviti – aktiviti jabatan di bawah Bahagian Hal Ehwal Pelajar.
2. Mempromosikan program – program anjuran jabatan untuk tujuan ketampakan (visibility) merentas institusi pengajian tinggi

Pengurus : Pengarah Pembangunan Pelajar

KPI

JANGKA PENDEK (6 BULAN – 1 TAHUN) 2022

- Mewujudkan platform atas talian (youtube) dengan nama HEPi Media
- Melibatkan persatuan pelajar Kelab Media Siswa (MEDSIS) sebagai penggerak bersama HEPi Media
- Mewujudkan sekurang-kurangnya satu (1) program tetap di HEPi Media

Pusat Tanggungjawab : Pusat Kebudayaan, Pejabat Pengarah Pembangunan Pelajar / Jabatan di BHEP /Pejabat TD HEP/ Pejabat TREK HEP

JANGKA SEDERHANA (2 TAHUN) 2022 – 2023

- Mempromosi platform HEPi Media untuk mencapai sekurang- kurangnya 5000 orang subscriber
- Meningkatkan jumlah penonton kepada 1000 orang bagi program atau aktiviti berimpak tinggi
- Mensasarkan peningkatan program atau slot tetap sebanyak dua (2) program di HEPiMedia

Pusat Tanggungjawab : Pejabat Pengarah Pembangunan /Pejabat TD HEP/ Pejabat TREK HEP

JANGKA PANJANG (5 TAHUN) - 2025

- Mencapai jumlah 20,000 langganan.
- Mewujudkan satu jawatan tetap mengendalikan pengoperasian HEPi Media Mensasarkan peningkatan program atau slot tetap sebanyak lima (5) program di HEPi Media
- Penjanaan pendapatan untuk membiaya pengoperasian jangka panjang

Pusat Tanggungjawab: Pejabat Pengarah Pembangunan /Pejabat TD HEP/ Pejabat TREK HEP

AKTIVITI UTAMA

JANGKA PENDEK (6 BULAN – 1 TAHUN)2021-2022

- Mewujudkan kerjasama strategik dengan pihak fakulti dan penasihat – penasihat persatuan pelajar
- Melantik pengurus untuk mengendalikan platform HEPi Media
- Mengenal pasti persatuan yang boleh di letakkan di bahagian operasi HEPi Media

JANGKA SEDERHANA (2 TAHUN) 2022 – 2023

- a. Melantik duta dalam kalangan pelajar bagi mempromosi platform HEPi Media
- b. Menjalankan aktiviti promosi melalui saluran dalam talian

JANGKA PANJANG (5 TAHUN)

- a. Memberi pengiktirafan kepada Ikon HEPi Media
- b. Mewujudkan program khas di antara HEPi Media dan pengamal media

TEMPOH PELAKSANAAN PROJEK (MILESTONE)**HASIL****JANGKA PENDEK (6 BULAN – 1 TAHUN) 2021-2022**

- a. Mewujudkan platform hebahan aktiviti HEP melalui HEPi Media
- b. Jalinan kerjasama di antara HEP dan Persatuan Pelajar serta Fakulti / Kolej Pengajian berkaitan

JANGKA SEDERHANA (2 TAHUN) 2022 – 2023

- a. Mencapai sasaran langganan kepada 5000 orang
- b. Menghasilkan dua (2) slot tetap iaitu slot bersama Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor HEP

JANGKA PANJANG (5 TAHUN) – 2025

- a. Menjadi sumber penjana pendapatan kepada BHEP
- b. Sebagai satu platform untuk mempromosi bakat pelajar kepada pihak industri
- c. Wujud bersama strategik melalui Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Industri Media berkaitan

Implikasi Kos

- Pentadbiran
- Sumber manusia
- Keperluan Teknikal
- Capaian Internet

LONJAKAN**JANGKA PENDEK (6 BULAN – 1 TAHUN) 2021-2022**

- a. Menyerlahkan bakat pelajar ke arah melahirkan pelajar profesional, dinamik dan seimbang
- b. Menjadikan HEP sebagai satu bahagian yang mempunyai media komunikasi berkesan, cepat, tepat dan menyeluruh secara berpusat

JANGKA SEDERHANA (2 TAHUN) 2022 – 2023

- a. Ketampakan HEP sebagai satu bahagian yang memberikan perkhidmatan dan kemudahan berkualiti
- b. Menjadikan HEPi Media sebagai satu sumber rujukan dan maklumat yang diyakini dan terkini mengenai pelbagai kegiatan di bahagian HEP

JANGKA PANJANG (5 TAHUN)

- a. Menjadi sumber rujukan kepada bahagian dan institusi lain dalam kaedah menyerlahkan bakat pelajar
- b. Menyediakan pelajar yang kompetitif dan mampu bersaing di peringkat antarabangsa

TERAS STRATEGIK 2

PEMBANGUNAN PELAJAR BERTERASKAN BAKAT DAN NILAI

INISIATIF 5 – KECEMERLANGAN BAKAT

- **TAJUK PROJEK 3 :**

PROJEK INSITUTE OF SPORTS AND EXERCISE TECHNOLOGY (INSERT)

Pengenalan : INSERT merupakan institut yang berfokuskan penyelidikan dalam bidang sukan, kesihatan dan kesejahteraan dalam membantu meningkatkan kualiti hidup masyarakat dan prestasi atlet ke peringkat yang paling optimum. INSERT akan berperanan sebagai pemacu kepada pembangunan lestari dan seterusnya menyerlahkan peranan UiTM dalam agenda SDG di peringkat nasional dan global. Melalui kepakaran yang terdapat di beberapa buah fakulti di UiTM seperti Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, Fakulti Sains Kesihatan, Kolej Pengajian Kejuruteraan, Fakulti Pendidikan, Fakulti Sains Gunaan, Fakulti Pengurusan Maklumat, Fakulti Perniagaan, Fakulti Perubatan dan dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi, penubuhan Insitute of Sports and Exercise Technology (INSERT) akan menghasilkan lebih banyak penyelidikan, inovasi sukan dan kesihatan berimpak tinggi

Objektif : Menubuhkan Pusat Kecemerlangan (Tier 3) Baharu Yang Berfokuskan Pembangunan Lestari (Sustainable Development) iaitu Institute Of Sports And Exercise Technology (Insert) Di Bawah Portfolio Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Pengurus : Pengarah Pusat Sukan

KPI

JANGKA PENDEK (6 BULAN – 1 TAHUN) 2021 – 2022

- a. Mendapat kelulusan penubuhan oleh Majlis Eksekutif Universiti, LPU dan Senat.

Pusat Tanggungjawab: Pusat Sukan UiTM

JANGKA SEDERHANA (2 TAHUN) 2022 – 2023)

- a. Fungsi pusat bermula – Teras Penyelidikan

Pusat Tanggungjawab: Pusat Sukan UiTM

JANGKA PANJANG (5 TAHUN) 2021 – 2022

- a. Menaiktaraf dari Pusat Kecemerlangan (CoE) kepada HICoE

Pusat Tanggungjawab: Pusat Sukan UiTM

AKTIVITI UTAMA

JANGKA PENDEK (6 BULAN – 1 TAHUN) 2021 – 2022

- a. Menubuhkan jawatankuasa penubuhan yang dianggotai oleh ahli akademik dari pelbagai fakulti
- b. Menyiapkan draf pertama kertas kerja penubuhan
- c. Mendengar taklimat penubuhan oleh pihak ReNeU
- d. Mengadakan bengkel draf kedua kertas kerja penubuhan
- e. Lantikan struktur organisasi
- f. Permohonan kelulusan penubuhan kepada Majlis Eksekutif Universiti (MEU)

Pusat Tanggungjawab: Pusat Sukan UiTM

JANGKA SEDERHANA (2 TAHUN) 2022 – 2023)

- a. Mendapat kelulusan penubuhan oleh Majlis Eksekutif Universiti (MEU)
- b. Pelaporan penubuhan kepada Senat dan LPU
- c. Penempatan Staf
- d. Fungsi pusat bermula – Teras Penyelidikan

Pusat Tanggungjawab: Pusat Sukan UiTM

JANGKA PANJANG (5 TAHUN) 2021 – 2022

- a. Proses Menaiktaraf Pusat Kecemerlangan (CoE)

Pusat Tanggungjawab: Pusat Sukan UiTM

HASIL

JANGKA PENDEK (6 BULAN – 1 TAHUN)2021-2022

- a. Penubuhan Pusat Penyelidikan

JANGKA SEDERHANA (2 TAHUN) 2022 – 2023

- a. Menghasilkan sekurang-kurangnya 10 kajian berimpak tinggi

JANGKA PANJANG (5 TAHUN)

- a. Pusat dinaiktaraf ke HICoE

Implikasi kos : RM521,648.00

- Gaji, Upah dan Elaun
- Bekalan dan Bahan Penyelidikan
- Sewaan
- Baikpulih Kecil dan Ubahsuai
- Bengkel, perjalanan dan pengangkutan

LONJAKAN

JANGKA PENDEK (6 BULAN – 1 TAHUN)2021-2022

- a) Ketampakan HEP sebagai satu bahagian yang mempunyai Pusat Penyelidikan.

JANGKA SEDERHANA (2 TAHUN) 2022 – 2023

- a) Ketampakan HEP sebagai satu bahagian yang memberikan nilai tambah kepada UiTM untuk cemerlang dalam penyelidikan sukan

JANGKA PANJANG (5 TAHUN)

- a) Menjadikan HEP sebagai satu pusat yang boleh memacu agenda universiti dan kementerian dalam bidang
 - i. penyelidikan dan inovasi,
 - ii. perkhidmatan serta jaringan kepakaran
 - iii. pengkomersilan
 - iv. menaikkan imej universiti di peringkat global

TERAS STRATEGIK 2

PEMBANGUNAN PELAJAR BERTERASKAN BAKAT DAN NILAI

INISIATIF 6 – KELESTARIAN JATI DIRI

- **TAJUK PROJEK 1 :**

PUSAT KESEDARAN KESELAMATAN DAN PENCEGAHAN JENAYAH (3KPJ)

Pengenalan : Kempen Kesedaran Keselamatan dan Pencegahan Jenayah (3KPJ) di kalangan warga UiTM khususnya pelajar merupakan suatu inisiatif untuk menjadikan warga kampus lebih cakna dan peka akan perkara-perkara yang berkait dengan keselamatan awam dan jenayah dalam masyarakat. Ini adalah kerana isu-isu keselamatan dan jenayah bukan lagi bersifat tradisional malah melangkaui batas digital seperti penipuan atas talian, godaman maya dan kecurian identiti aplikasi internet. Penganjuran aktiviti-aktiviti jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang dalam inisiatif 3KPJ ini akan dapat dijadikan medium penyampaian maklumat dan peningkatan kesedaran keselamatan awam di kalangan warga kampus. Impak inisiatif ini ialah warga kampus khususnya para pelajar akan senantiasanya terdedah kepada maklumat berkaitan keselamatan awam dan pencegahan jenayah dalam masyarakat yang akan dapat menjadikan mereka lebih cakna dalam aspek keselamatan awam bagi menjaga diri sendiri, keluarga dan masyarakat setempat.

Objektif : Pemeraksanaan/kelestarian kesedaran keselamatan di kalangan pelajar dan staf UiTM bagi memperkasakan keselamatan warga kampus

Pengurus : Pengarah Akademi Kepolisian UiTM-PDRM

KPI

JANGKA PENDEK (6 BULAN – 1 TAHUN) 2022-2023

- a. Kempen / Kursus/ Webinar Kesedaran berkaitan keselamatan di kalangan pelajar UiTM dan Staff seluruh Malaysia

Pusat Tanggungjawab: Unit SUKSIS UiTM / Akademi Kepolisian UiTM-PDRM / Polis Bantuan / Pusat Kokurikulum / Timbalan Rektor HEP / Timbalan Dekan HEP

JANGKA SEDERHANA (2 TAHUN) 2022-2024

- a. Penganjuran Simposium / Seminar melibatkan UiTM dan Insitusi Keselamatan contohnya Polis Diraja Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam, Polis Bantuan dan lain-lain agensi penguatkuasaan di seluruh Malaysia

Pusat Tanggungjawab: Unit SUKSIS UiTM / Akademi Kepolisian UiTM-PDRM / Pusat Kokurikulum / Timbalan Rektor HEP / Timbalan Dekan HEP

JANGKA PANJANG (5 TAHUN)

- a. Pembangunan budaya keselamatan yang mampan di kalangan pelajar dan staf UiTM melalui program-program keselamatan yang berterusan

Pusat Tanggungjawab: Unit SUKSIS UiTM / Akademi Kepolisian UiTM-PDRM / Polis Bantuan /Pusat Kokurikulum / Timbalan Rektor HEP / Timbalan Dekan HEP

AKTIVITI UTAMA

JANGKA PENDEK (6 BULAN – 1 TAHUN) 2021-2022

- a. Webinar Berkaitan Keselamatan
- b. Webinar berkaitan Punca Jenayah dan Cara mengatasinya
- c. Sinergi SUKSIS bersama Polis Bantuan melalui program kawalan aman bersama
- d. Pertandingan tagline Keselamatan Jenayah UiTM (memperkenalkan SUKSIS dikalangan warga UiTM)
- e. Memperkasakan web SUKSIS bagi memberi input berterusan keselamatan jenayah kepada warga UiTM

JANGKA SEDERHANA (2 TAHUN) 2022 – 20234

- a. Simposium keselamatan dan kursus-kursus pegawai kehormat SUKSIS
- b. Memperkasa Persatuan VOPAC melalui penglibatan VOPAC kepada komuniti kampus melalui “VOPAC bersama warga mahasiswa UiTM”
- c. Menandatangani penyambungan MoU bersama PDRM

JANGKA PANJANG (5 TAHUN)

- a. Simposium keselamatan Peringkat Kebangsaan setiap 2 tahun
- b. Pemetaan DNA Integriti Mahasiswa UiTM
- c. Pengumpulan data bagi kajian Jenayah dan keselamatan warga UiTM seMalaysia.
- d. Sinergi SUKSIS bersama Pusat Kesihatan (jenayah disebabkan kesihatan mental), PALAPES, JPAM dll

HASIL**JANGKA PENDEK (6 BULAN – 1 TAHUN) 2021-2022**

- a. Jumlah program dianjurkan
- b. Jumlah pelajar terlibat
- c. Bilangan pelajar SUKSIS dikalangan Komuniti UiTM

JANGKA SEDERHANA (2 TAHUN) 2022 – 2023

- a. Mengadakan program Simposium / Seminar diperingkat Kebangsaan
- b. Mengadakan latihan kepolisan kepada pegawai kehormat yang dilantik

JANGKA PANJANG (5 TAHUN)

- a. Penghasilan Penyelidikan dan penerbitan akademik dari kalangan pentadbir di HEP dan Pengurusan kanan UiTM berkenaan isu keselamatan dan pendidikan keselamatan dikalangan pelajar dan staf
- b. Analisis tahap kesedaran keselamatan dan perlindungan jenayah di kalangan warga UiTM

Implikasi kos :

- Peruntukan - RM200,000.00
- Pentadbiran
- Sumber Manusia
- Ruang
- Keperluan Teknikal

LONJAKAN

JANGKA PENDEK (6 BULAN – 1 TAHUN) 2021-2022

- a. Melonjak HEP sebagai satu organisasi yang mempunyai pelaksanaan yang tersusun mengenai program dan kempen keselamatan bagi menghindari jenayah warga kampus

JANGKA SEDERHANA (2 TAHUN) 2022 – 2023

- a. Ketampakan HEP sebagai satu bahagian yang cakna keselamatan disamping perkhidmatan dan kemudahan berkualiti

JANGKA PANJANG (5 TAHUN)

- a. Ketampakan UiTM sebagai peneraju program-program keselamatan dan pencegahan jenayah di kalangan Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia

TERAS STRATEGIK 2

PEMBANGUNAN PELAJAR BERTERASKAN BAKAT DAN NILAI

INISIATIF 6 – KELESTARIAN JATI DIRI

- **TAJUK PROJEK 2 :**
e-PADU

Pengenalan : Projek e-PADU merupakan satu inisiatif untuk mengumpul maklumat berkaitan kandungan modul PADU di dalam sistem HSMI - Hub Sumber Maklumat IMPAK. Komponen PADU akan ditempatkan di satu platform (one stop point) di dalam sistem untuk memudahkan para pelajar dapat mengakses dan menjalani pelbagai soalan pengukuran yang berkaitan mengikut tema pilihan iaitu Pemikiran, Emosi, Semangat, Aspirasi dan Tingkah Laku. Alat ujian yang sesuai akan dibina dan dijadikan pengukur kepada pengamatan dan penghayatan siswa siswi yang bakal mengikuti modul ini. HSMI akan menjadi medium yang boleh digunakan untuk membantu pelajar memahami objektif modul. Penilaian pemahaman siswa siswi yang menyertai modul yang ditetapkan dan dilengkapi dengan pemberian markah kepada mereka mengikut tahap kefahaman pada tarikh yang akan dimaklumkan kepada pelajar. Seterusnya, penjaanaan laporan skor ringkas akan dibuat sebagai keterangan hasil ujian yang dijalani oleh pelajar. Impak daripada inisiatif ini akan dapat memudahkan akses pelajar bagi tujuan pembangunan sendiri menepati elemen Pemikiran, Emosi, Semangat, Aspirasi dan Tingkah Laku yang mencakupi semua aspirasi dalam DNA UiTM

Objektif : Umum - Memupuk Jati diri DNA yang PADU

Khusus - Pelajar mengikuti MODUL PADU untuk melengkapkan 5 ASPIRASI yang telah ditetapkan iaitu PEMIKIRAN, EMOSI, SIKAP, ASPIRASI DAN TINGKAH LAKU.

Pengurus : Pengarah IMPAK

KPI

JANGKA PENDEK 6 BULAN PERTAMA - (SEPTEMBER - MAC 2022) 2021-2022

- a. Penyelidikan kandungan DNA UiTM oleh penyelidik yang dilantik
- b. Pembentukan modul oleh Jawatankuasa yang dilantik
- c. Pembentangan di MEU bagi mendapatkan kelulusan
- d. Pemantapan Modul (ILD) (30 Disember)
- e. Test Modul di Kampung Gajah (14-16 Januari 2022)
- f. Pelancaran Modul PADU dan MOU bersama APR, Pelancaran Modul PADU YBM Menteri (7 Januari 2022)
